

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 136 ● 8 - 14 OKTOBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku


@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Perbincangan bersama Perdana Menteri

KWP mahu kembalikan kegemilangan Labuan



SHAHIDAN menandatangani plak Perasmian Taman Muhibbah Labuan. Hadir sama timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias (kanan).

HAMPIR mencapai kadar 90 peratus vaksinasi lengkap populasi dewasa negara, setiap negeri mahupun Wilayah Persekutuan pastinya sedang berlumba-lumba untuk meningkatkan semula ekonomi yang jatuh merudum akibat penularan wabak COVID-19.

Pelbagai perancangan dan dasar baharu mula dirangka bagi mencapai tujuan itu termasuk penganjuran forum ekonomi yang akan membincangkan isu-isu

pembangunan berkaitan.

Memfokuskan Labuan, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, kementeriannya akan mengatasi kelembapan sektor ekonomi bagi mengembalikan era kegemilangan wilayah bebas cukai itu yang terkenal dalam kalangan pelancong.

Beliau yang cakna dengan situasi semasa negara turut menyatakan, perbincangan dua hala bersama Perdana Menteri akan dilakukan berhubung pembangunan ekonomi

di Labuan.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah membuat tawaran secara *Request for Proposal* (RFP) bagi cadangan pembinaan Projek Jambatan Labuan - Sabah di kawasan pesisir pantai Sawangan Cina secara kerjasama awam dan swasta (PPP).

BERITA LANJUT DI MUKA 2 DAN 19

Bekas pesakit COVID-19 Kategori 5 perlu tabung oksigen

SELAIN berhadapan dengan masalah emosi, bekas pesakit COVID-19 juga boleh mengalami kemerosotan kesihatan fizikal seperti yang dialami Kamisah Majid, 65.

Lebih membimbangkan apabila warga emas yang tinggal bersama anaknya, Nazrinaz Md Nor di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Wahyu 2, Kuala Lumpur itu memerlukan bantuan oksigen

walaupun sudah dibenarkan keluar dari hospital selepas pulih daripada wabak kategori 5 baru-baru ini.


Nazrinaz ketika membuat permohonan bantuan memberitahu, ibunya mengalami masalah pernafasan kesan daripada sindrom pasca-covid.

"Ibu memerlukan bantuan lampin pakai buang dewasa dan tangki oksigen yang menelan kos tinggi.

"Buat sementara ini kami terpaksa meminjam tangki oksigen daripada kawan dan menanggung kos memasukkan oksigen sebanyak RM35 sehari," katanya.

Ekoran itu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menghulurkan bantuan tunai bagi membantu meringankan beban yang ditanggung.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



ANTARA alat peranti yang dirampas dalam serbuan baru-baru ini.

Judi online: Rampasan RM 300,000 di Cheras

PELAKSANAAN Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak awal tahun lalu tidak menghalang segelintir individu bermain judi atas talian (*online*) di premis tertutup, namun kegiatan tidak bermoral mereka berjaya dibanteras pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam beberapa siri serbuan sejak Januari lalu.

Difahamkan, selain dilakukan di premis tertutup, sindiket judi online turut menyasarkan orang ramai yang berada di rumah, terutamanya 'kaki judi' sebagai sasaran pelanggan mereka.

Mereka bukan sahaja menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) secara rawak kepada nombor yang didaftarkan di telco, malah pelayar media sosial seperti Facebook turut menerima.

Setiap SMS yang dikirimkan juga mengandungi pautan ke laman web judi online seperti RM0 BK88: Dear +60175600000 - www.tinyurl.com/8BAYARKING8 - WLC'M 120% N3W MEMB3R - AUTO 1N-0UT - R3GIST3R NOW - K1S-OR1/AG/PLYTECH/SL0TZ+ - @TM/0NLIN3/K@SH/CDM.

Bagi menarik perhatian pelanggan yang disasarkan, sindiket terlibat kononnya memberi diskon 'pengenalan' kepada penjudi baharu.

Mengulas mengenainya, Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Muhammad Idzam Jaafar, pihaknya sentiasa peka dengan kewujudan sindiket judi *online* yang beroperasi di sekitar Cheras, Kuala Lumpur.

Ujar beliau, sepanjang tempoh sembilan bulan tahun ini, pasukannya berjaya menangkap 101 individu yang dipercayai melakukan kegiatan tidak bermoral berkenaan menerusi 42 serbuan.

Tambahnya, rampasan serbuan sepanjang tempoh itu pula dianggarkan kira-kira RM300,000.

BERSAMBUNG DI MUKA 3

KWP mahu pulau bebas cukai kembali ke era kegemilangannya

Rancakkan semula ekonomi Labuan

KHAIRUL IDIN

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada Sabtu lalu mengadakan lawatan kerja selama dua hari ke Labuan bagi meneliti kemajuan ekonomi dan kesejahteraan warga wilayah itu.

Beliau berkata, lawatan kerja selama dua hari itu merupakan lawatan sulungnya selepas mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia selaku Menteri Wilayah Persekutuan pada 30 Ogos lalu.

"Syukur alhamdulillah pada pagi ini (Sabtu), saya dan delegasi Kementerian Wilayah Persekutuan selamat sampai ke Labuan.

"Diharapkan lawatan saya selama dua hari dapat meningkatkan kualiti kehidupan, kesejahteraan serta kemajuan selaras dengan konsep Keluarga Malaysia," katanya.

Mengulas mengenai langkah-langkah kementeriannya dalam mengatasi kelembapan sektor ekonomi di Labuan, Shahidan berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bakal menjanjikan satu forum ekonomi di pulau berkenaan bagi membincangkan isu-isu pembangunannya.

Katanya, penganjuran forum itu bertujuan membantu meningkatkan semula ekonomi di Labuan



SHAHIDAN (tengah) diiringi timbalannya, Jalaluddin (kanan) ketika melawat perkampungan air di Kampung Air Patau-Patau bagi melihat sendiri projek penanaman fertigasi, kawasan perindustrian baik pulih engin sangkut serta pengusaha bot pelancongan.

yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

"KWP akan melaksanakan pelbagai usaha termasuklah mengadakan penganjuran forum ekonomi bagi membantu memulihkan ekonomi pulau itu.

LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 19

"Bagi kami di kementerian, Labuan perlu terus berkembang dengan tarikan ekonominya dan kami mahu ia kembali ke era kegemilangannya," katanya semasa

meninjau Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kompleks Darul Kifayah MAIWP, Labuan.

Dalam pada itu, beliau berkata terdapat satu perancangan pembangunan bagi jangka pendek dan jangka panjang akan dilaksanakan bagi memastikan ekonomi Labuan terus berkembang maju dan demi kesejahteraan warga di pulau itu.

Beliau berkata, antara tarikan Labuan ialah status bebas cukainya yang kini seolah-olah terhakis kerana tidak semua barang yang dibayar adalah bebas cukai.

"Status bebas cukai Labuan se-

dang diteliti untuk menjadikannya lebih menarik kerana ia boleh menjadi faktor penarik atau penolak, dan ini adalah antara isu yang harus ditangani.

"Saya akan membincangkan isu ekonomi Labuan dengan Perdana Menteri untuk melihat bagaimana kita boleh memacu ekonomi Wilayah Persekutuan ini ke era kegemilangannya seperti sebelum ini... ini adalah antara cabaran yang harus kita hadapi dan saya tidak melihat perkara ini sebagai satu masalah," katanya.

FOKUS JAMBATAN LABUAN-SABAH

Terdahulu, Shahidan bersama timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias turut mengadakan lawatan turun padang (TUPA) Projek Jambatan Labuan - Sabah di kawasan pesisir pantai Sawangan Cina di sini, pada Sabtu lalu.

Menurutnya, KWP melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah membuat tawaran secara Request for Proposal (RFP) bagi cadangan pembinaan projek itu secara Kerjasama Awam dan Swasta (PPP).

Shahidan berkata, iklan mengenai projek itu telah menarik minat pelbagai syarikat swasta untuk menyertai RFP dan membeli dokumennya.

"Mesyuarat Jawatankuasa Induk 1 pada 24 Ogos lalu telah mempertimbangkan dua syarikat berkaitan pelanjutan RFP dan Jawatankuasa Induk 1 bersetuju penutupan RFP tamat pada 1 November ini.

Jelas beliau, pelanjutan itu terpakai kepada semua syarikat yang menyertai RFP.

Selain itu katanya, terdapat keperluan lain yang perlu diambil kira seperti pembangunan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) baharu.

"Ianya termasuk kajian-kajian teknikal melibatkan trafik darat dan marin, kajian EIA, hidraulik dan sebagainya yang terkandung di dalam RFP tersebut," katanya lagi.

Pada hari kedua lawatan kerjanya di Labuan, Shahidan turut berkesempatan melawat perkampungan air Kampung Air Patau-Patau bagi melihat sendiri projek penanaman fertigasi, kawasan perindustrian baik pulih engin sangkut dan pengusaha bot pelancongan.

Turut mengiringi, Timbalannya, Jalaluddin; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar; Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Ali; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr Fary Akmal Osman dan Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussein. **WK**

Shahidan lancar kempen tanam sejuta pokok di Labuan, atasi hakisan pantai



SHAHIDAN bersama Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar menanam pokok Bakau Minyak di Pantai Nagalang sebagai simbolik kempen sejuta pokok.

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada Ahad menanam pokok Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) di Pantai Nagalang, Labuan sebagai simbol pelancaran 'Kempen Tanam Sejuta Pokok 2021-2025' di Wilayah Persekutuan.

Menerusi program yang bertemakan 'Menghijaukan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita', beliau berkata, ia dilaksanakan berdasarkan konsep hutan bandar dan pembangunan bandar yang menyasarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menanam 500,000 pokok, 400,000 pokok (Perbadanan Putrajaya) dan 100,000 pokok bagi Perbadanan Labuan.

Shahidan berkata, Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah meluluskan peruntukan RM250,000 di bawah Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK) untuk inisiatif memajukan hutan bakau dan kehidupan marin kawasan hutan bakau di Labuan.

"Hari ini 100 pokok bakau akan ditanam di Pantai Nagalang/Kerupang dan akan direkodkan dalam pelaksanaan menghijaukan Malaysia...antara spesies pokok termasuk Bakau Kurap, Bakau Minyak, Bakau Putih dan Api-Api Hitam," katanya ketika berucap

melancarkan Kempen Tanam Sejuta Pokok 2021-2025 di Pantai Nagalang Ahad lalu.

Shahidan berkata, tujuan menanam pokok bakau di tebing sungai, muara dan di sepanjang pesisir pantai adalah untuk mengurangkan risiko hakisan.

"Sebanyak 5,000 pokok bakau akan ditanam di sepanjang pantai Kg Tanjung Aru, Nagalang, Kerupang tahun ini untuk mengurangkan risiko hakisan pantai," katanya. **WK**

Lima pusat agihan makanan gelandangan bakal ditambah

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang merancang untuk menambah lima pusat agihan makanan kepada gelandangan dalam waktu terdekat.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, pihaknya sedang mengenalpasti lokaliti di sekitar Kuala Lumpur yang dijadikan kawasan tumpuan individu tertentu atau kumpulan yang tidak berdaftar dan terlibat dalam aktiviti agihan makanan kepada golongan tersebut.



JALALUDDIN

"Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan DBKL sentiasa mematuhi tempat dan jadual pengagihan makanan kepada gelandangan yang telah ditetapkan.

"Namun ada segelintir pihak atau individu tertentu yang mempunyai niat baik untuk edar makanan kepada gelandangan, tetapi kaedah itu tidak sistematis dan sebenarnya mengundang kesan negatif sekiranya tidak ditangani," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan

sesi dialog bersama 24 NGO yang berdaftar dan terlibat dengan agihan makanan kepada gelandangan di Menara DBKL baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi DBKL, Anwar Md Zain dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL), Che Shamsuzki Che Noh.

Jalaluddin berkata, langkah untuk memperkenalkan lima pusat agihan itu diambil bagi mengelakkan berlaku lambakan makaran sehingga menjadi sisa sampah yang boleh mengotorkan imej bandaraya Kuala Lumpur.

"Pusat itu nanti akan dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan pemantauan dan keselamatan," katanya.

Ketika ini, terdapat tiga pusat agihan makanan selian DBKL iaitu Pusat Transit Gelandangan Jalan Pahang, Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku dan Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit. **WK**

PA Seri Pahang, Seri Perlis 1 bakal berwajah baharu

Dua tapak PA dibangunkan semula

DIANA AMIR

KESINAMBUNGAN kepada inisiatif pembangunan semula bandaraya Kuala Lumpur yang telah diperkenalkan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mengenal pasti dua tapak Perumahan Awam (PA) yang akan dibangunkan semula.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, PA Seri Pahang dan PA Seri Perlis 1 telah dipilih bagi projek tersebut.

"PA Seri Pahang yang kini telah memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak dengan pembinaan 1,017 unit baharu dengan saiz kediaman berkeluasan 800 kaki persegi (kps).

"Manakala PA Seri Perlis 1 pula telah mem-

peroleh kelulusan Perintah Pembangunan (DO) untuk pembangunan semula 80 unit rumah baharu berkeluasan 880kps," katanya semasa sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri bagi jawapan lisan di Dewan Negara pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan Senator Nuridah Mohd Salleh berkenaan rancangan kerajaan untuk menebus guna tapak perumahan awam bagi membangunkan perumahan bertingkat baharu yang lebih

'habitable'.

Jalaluddin berkata, melalui inisiatif tersebut, kerajaan berjaya membangunkan PA Razak Mansion yang telah siap sepenuhnya pada Januari 2017.

"Melalui inisiatif pembangunan semula ini, kerajaan telah

berjaya membangunkan semula PA Razak Mansion (dibangunkan pihak swasta) di mana ia melibatkan 658 unit kediaman empat tingkat berkeluasan 339kps dan 504kps kini telah dinaik taraf kepada 21 tingkat dengan keluasan 800kps seunit berserta fasiliti yang lebih lengkap dan moden.

"Projek ini siap sepenuhnya pada Januari 2017 dan kira-kira 658 pemilik unit telah selesai dipindahkan ke kediaman baru pada Mac 2017," katanya.

Jelasnya, pemilik rumah di PA Razak Mansion ini, mendapat rumah gantian secara percuma, manakala penyewa ditawarkan untuk membeli rumah baharu ini dengan harga RM42,000 dan konsep yang sama akan digunakan dalam projek yang melibatkan PA Seri Pahang. **WK**



PA Seri Pahang dalam proses pembangunan semula.

YWP bantu pesakit pasca COVID-19 kategori 5 di PPR Taman Wahyu 2

PENDERITAAN bekas pesakit pasca COVID-19 kategori 5 yang juga warga emas, Kamisah Majid mendapat perhatian YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) selepas permohonan dibuat anaknya yang berpendapatan bulanan sebanyak RM600.

Ekoran daripada itu, pihak YWP menghulur bantuan tunai kepadanya berikutkan kos memasukkan oksigen adalah sebanyak RM35 sehari.

Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti YWP, **Kamaruzaman Mustapha** berkata, bantuan yang disalurkan merupakan bantuan awal kepada warga emas berkenaan sebelum menerima bantuan lain daripada agensi berkaitan.

"Kes ini telah dipanjangkan kepada pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Batu, Gulam Muzaffar Gulam Mustakim, yang telah memaklumkan kepada pihak YWP dan kami berpendapat warga emas ini wajar dibantu."

"YWP telah menyerahkan bantuan segera berupa wang tunai bernilai RM500 bagi membantu seorang warga emas yang sedang menderita sindrom pasca-covid untuk kegunaan dan perubatan," katanya kepada *Wilayahku* selepas menyerahkan bantuan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Wahyu 2 pada Selasa.

Menurut Kamaruzman, bantuan yang diberikan merupakan bantuan *one-off* sebelum beliau menerima bantuan daripada agensi lain seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



KAMARUZAMAN menyerahkan sumbangan wang tunai kepada Kamisah yang terlantar di rumahnya di Taman Wahyu 2 pada Selasa.

(MAIWP) dan Baitulmal.

"Pihak YWP tidak mempunyai bantuan khusus untuk bekas pesakit COVID-19, namun sekiranya ada kes-kes tertentu yang memerlukan bantuan segera, maka kami akan melihat terlebih dahulu."

"Buat masa ini pihak YWP hanya memproses bantuan segera sahaja dan kita akan mengenal pasti bantuan lain yang mungkin boleh disalurkan kepada pesakit ini," katanya sambil menambah pihak YWP tidak memberikan bantuan khusus untuk pesakit kes seperti ini.

Dalam pada itu, Gulam Muzaffar berkata, kebanyakan kes sindrom pasca-covid tahap empat dan lima memerlukan rawatan susulan di rumah selain melibatkan perbelanjaan yang agak tinggi.

"Sebelum ini, MPP tidak

pernah terfikir keperluan perubatan untuk pesakit seperti ini dan kebanyakan kita sedakan lampin pakai buang serta kerusi roda.

"Tetapi apabila mereka memerlukan bantuan tong oksigen dan itu memerlukan perbelanjaan yang tinggi bagi proses pemulihan setiap pesakit ini."

"Kos pula difahamkan kira-kira RM50 sehari dan untuk tempoh sebulan, mereka memerlukan kira-kira RM1,500 yang melibatkan kos isian gas oksigen sahaja," katanya.

Beliau turut mencadangkan kepada kerajaan untuk memperkenalkan bantuan tong oksigen memandangkan golongan berpendapatan rendah semestinya terbeban untuk mendapatkan bekalan tersebut memandangkan kosnya tinggi. **WK**

Premis judi online diserbu selepas seminggu beroperasi

DARI MUKA DEPAN

KETUA Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner **Muhammad Idzam Jaafar** berkata, tangkapan baharu yang dilakukan pegawai dan anggotanya adalah pada 5 Oktober lalu.

Ujarnya, premis berkenaan dipercayai mula beroperasi lebih kurang satu minggu.

"Serbuan dan tangkapan ini dijalankan Ketua Polis Balai Sungai Besi, Inspektor Muhammad Sallehuddin Drahaman bersama anggotanya pada pukul 11 malam.


"Dalam serbuan di No 28-1 Jalan 20 C/ 146 Desa Tasik, Sungai Besi Cheras Kuala Lumpur itu, pihaknya telah menahan seorang penjaga premis dan mer-

ampas lima tablet tanpa jenama serta tetikus yang disyaki digunakan untuk kegiatan perjudian," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Ujarnya, turut dirampas, satu modem jenama Huawei dan wang tunai RM120.

Mengulas lanjut, Muhammad Idzam berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 4B (a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kegiatan judi atas talian diminta menyalurkan maklumat dengan cara menghubungi Ketua Polis Balai Polis Sungai Besi, Inspektor Muhammad Sallehuddin Drahaman di talian 03-9058 2222," tambahnya. **WK**



PREMIS yang dijadikan lokasi judi online diserbu pihak polis pada 5 Oktober lalu.

MRT Putrajaya mula beroperasi Januari depan

PEMBINAAN Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya Fasa Dua kini siap 93.52 peratus dan dijangka beroperasi pada Januari 2023 seperti yang dijadualkan.

Menteri Pengangkutan **Datuk Seri Dr Wee Ka Siong** berkata infrastruktur utama seperti terowong, stesen dan struktur lain telah siap dibina dan baki kerja yang perlu disiapkan antaranya merangku merti perkhidmatan bangunan, kemasan seni bina dan landskap.



WEE KA SIONG

"Saya amat berbesar hati melihat tahap kemajuan ini, dan saya yakin Fasa Dua Laluan Putrajaya ini dapat mula beroperasi seperti yang disasarkan pada Januari 2023."

"Pembinaan Laluan MRT Putrajaya ini tepat pada masanya kerana ia menjadi pemangkin penting dalam pemulihian ekonomi negara dengan membolehkan ramai pekerja dapat kembali bekerja dan kembali menjalani kehidupan normal," katanya dalam sidang media selepas melawat tapak persilangan MRT Hospital Kuala Lumpur yang turut disertai Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan Kassim.

LAGI BERITA DI MUKA 22

Sementara itu Wee berkata bagi pembinaan MRT laluan Putrajaya Fasa Satu pula, 99.9 peratus telah siap dan dijangka dilancarkan pada hujung bulan depan. MRT Laluan Putrajaya (sebelum ini



MRT memainkan peranan yang amat penting dalam usaha pemulihian ekonomi negara.

dikenali sebagai Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya) meliputi jajaran sepanjang 56.2 kilometer dan mempunyai 36 stesen, untuk kedua-dua fasa, bermula dari stesen Kwasa Damansara ke Putrajaya.

Terdahulu Wee dalam ucapannya berkata kementeriannya telah bekerja keras untuk membuka kembali sektor-sektor industri pengangkutan lain antaranya pelabuhan, logistik dan

pengangkutan udara, untuk mendukung usaha kerajaan ke arah pemulihian negara.

"Namun ia harus dilaksanakan dengan sangat berhati-hati untuk memastikan keselamatan orang ramai. Sehubungan itu kementerian saya akan memastikan prosedur operasi standard (SOP) dan langkah berjaga-jaga perlu dilaksanakan dengan tegas oleh semua pihak dalam industri pengangkutan," katanya. WK

DBKL tangguh larangan penjualan liquor selama sebulan sehingga akhir Oktober ini

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menangguhkan larangan menjual minuman keras jenis liquor di kedai runcit, serbaneka dan kedai ubat cina bermula 1 Oktober sehingga 31 Oktober ini.

Dalam satu kenyataan, DBKL berkata, penangguhan ini bertujuan

untuk memuktamadkan kajian berkaitan kawalan penjualan liquor di Kuala Lumpur.

"Kemudahdapatkan dan aksesibiliti liquor telah menjadi aduan dan bantahan, kerana ianya mendatangkan kemudaratkan kepada keselamatan orang ramai," katanya hari ini.

Katanya lagi, pada masa ini pemilik Lesen Minuman Keras (LMK) runcit masih dibenarkan menjual minuman tersebut. Jenis liquor di kedai runcit, serbaneka, dan kedai ubat cina. Terdahulu Garis Panduan

LMK yang telah digunakan yang berkuatkuasa pada 15 November 2020 menyatakan larangan penjualan liquor di kedai runcit, serbaneka, dan kedai ubat cina akan berkuat kuasa 1 Oktober ini. WK



SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsviewmun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Syahidi Bakar
diwilayahku@gmail.com

Sabrina Sabre

nsabrinaakmal@gmail.com

Hazirah Halim

hazirahn52@gmail.com

Diana Amir

dianasyuhada@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze

kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my

V Kumar Veeran

veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

CERITA KEDAI KOPI

Gangguan bekalan air

SEKALI lagi, seperti yang kerap berlaku sebelum ini, warga Selangor dan Wilayah Persekutuan akan menghadapi gangguan bekalan air berjadual. Air Selangor telah mengeluarkan notis gangguan mulai pukul 9 pagi 13 Oktober sehingga bekalan dijangka pulih sepenuhnya pukul 9 malam 16 Oktober.

Kawan-kawan Kedai Kopi dapat tahu gangguan ini disebabkan kerja-kerja penambahbaikan dan penyenggaraan aset-aset kritis di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1. Sebanyak 998 kawasan di tujuh wilayah di Lembah Klang akan terjejas.

Gangguan bekalan air, berjadual dan tidak berjadual, sudah lumrah bagi penduduk Lembah Klang. Pada 3 September lalu gangguan tidak berjadual berlaku berikut LRA Sungai Semenyih dihenti tugas sepenuhnya akibat pencemaran bau pada sumber air mentah di sungai tersebut.

Akibatnya bekalan di 463 kawasan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya terjejas. Kawasan terlibat ialah Petaling (172), Hulu Langat (54), Sepang (194), Kuala Langat (20) dan Putrajaya 23 kawasan.

Kejadian ini berlaku dalam tempoh tiga hari di lokasi sama. Sebelum itu 323,623 pengguna terjejas apabila LRA Sungai Semenyih itu ditutup akibat pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir.

Kawan-kawan Kedai Kopi kecewa kerana masalah gangguan bekalan air berterusan bagaiman tiada penghujung. Yang susah adalah orang ramai atau industri yang menyaksikan kegiatan harian mereka terjejas, apakah lagi jika gangguan berlaku untuk tempoh lama.

Setiap kali berlaku gangguan, ia pasti melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Putrajaya kerana sekian lama Wilayah Persekutuan mendapat bekalan daripada Air Selangor. Ini akan berterusan sehingga Wilayah Persekutuan memiliki perbadanan air sendiri.

Sehingga itu menjadi kenyataan, Wilayah Persekutuan terpaksa terus bergantung kepada Air Selangor. Namun diharap Air Selangor akan lebih efisien dalam pengurusan sumber airnya dan minimumkan gangguan.

Ambil tindakan tegas kepada pencemar sumber air mentah. Juga ganti aset-aset di LRA jika sudah usang bagi mengelakkan kerap disenggara menyebabkan gangguan bekalan. Jangan lupa, simpan air dari 13 hingga 16 Oktober ini!

Patuhi syarat IWBB

MATLAMAT utama Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) ialah membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 menceburti bidang perniagaan.

Inisiatif ini mula menampakkan hasil dalam usaha membantu warga Wilayah Persekutuan (WP) yang kehilangan kerja dan sumber pendapatan lantaran tempat mereka mencari rezeki ditutup atau dihadkan kapisiti. Akibatnya ramai dibuang.

Kejayaan inisiatif ini mendorong Menteri WP, Datuk Seri Shahidan Kassim, meneruskan program yang dijangka berakhir Disember ini. Malah beliau akan berusaha menambah baik di mana perlu.

Oleh kerana IWBB membenarkan sesiapa yang ingin berniaga mendirikan gerai di kawasan pilihan, khemah atau kanopi boleh dilihat di merata tempat, tanpa format atau saiz khusus ditetapkan. Untuk kelihatan kemas dan cantik, ia perlu diselaraskan agar nampak seragam.

Kawan-kawan Kedai Kopi ada mendengar rungutan luahan rasa tidak puas hati daripada penduduk di kawasan tertentu, misalnya kawasan Taman Tasik Titiwangsa, bahawa kehadiran peniaga mengganggu keselesaan dan ketenteraman mereka. Mungkin ini berlaku kerana ada pemilik gerai yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Peraturan DBKL mudah. Yang pertama ialah sekali pun berniaga di mana-mana peniaga perlu mendapat permit.

Juga disyaratkan kedudukan gerai mestilah tidak mengganggu pergerakan orang ramai dan lalu lintas serta tidak mengganggu kawasan parkir.

Selain itu kebersihan kawasan niaga mesti dipelihara sepanjang masa. Ini bererti jangan membuang sampah dan kotoran merata-rata. Bersihkan kawasan selepas setiap kali berniaga. Kawan-kawan Kedai Kopi ingin menambah, jangan buat bising!



DATUK SERI
DR NORAINI AHMAD
Menteri Pengajian Tinggi

TAHUN ini merupakan tahun sambutan yang ketiga Hari Akademia Kebangsaan diraikan pada setiap 5 Oktober.

Tujuannya tidak lain dan tidak bukan untuk menghargai jasa dan sumbangan para ahli akademik di peringkat pengajian tinggi.

Ini meliputi tenaga pengajar di Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kolej Matrikulasi serta Institut Latihan dan Kemahiran (ILK).

Tradisi pengajian tinggi di Eropah sejak abad ke-19 mengangkat universiti atau peringkat pengajian tinggi sebagai gapura yang memartabat dan mengembangkan pengetahuan untuk kemaslahatan manusia.

Alexander Von Humboldt, seorang ahli falsafah dan geografi dari Prussia, juga pengasas University of Berlin pada tahun 1801 menggagaskan idea 'furtherance of conversation of knowledge through research and teaching' bagi menjelaskan peranan fundamental universiti pada era tersebut.

Menjelang abad ke-20, peranan universiti sebagai penyuluhan pembangunan dan kehidupan sesebuah ketamadunan kemudiannya terus berkembang pesat.

Dalam hal ini, John Henry Newman, seorang ahli sejarah dan teologi tersohor dari Oxford, dalam karyanya 'The Idea of University' telah merujuk universiti sebagai 'School of Universal Learning'.

Pentakrifan ini menjelaskan peranan universiti sebagai pusat keilmuan dan kesarjanaan dalam apa jua bidang dan sentiasa terkehadapan dalam memandu masyarakat ke arah kebenaran.

Dalam konteks sektor pendidikan tinggi pada masa ini di negara kita, IPT seharusnya menjadi tanda aras ketamadunan dan ketinggian intelektual masyarakat.

Indikator bagi IPT yang terbaik adalah IPT yang mampu menghasilkan impak bukan sahaja terhadap warganya sahaja, malah turut memberi manfaat kepada masyarakat secara umum.

Impak yang dimaksudkan ini adalah merujuk kepada memberikan penyelesaian

Sempena Hari Akademia Kebangsaan 2021

Perkasa pendigitalan pendidikan demi mendepani norma baharu



terhadap isu dan cabaran yang wujud dalam kalangan masyarakat, sama ada yang bersifat struktural mahupun isu-isu semasa yang memerlukan penyelesaian segera.

Tuntasnya, IPT perlu sentiasa tampil menawarkan idea-idea baharu yang berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat.

Seperti kata-kata Profesor Marek Kwiec dari Center for Public Policy Studies, Poznan University dalam artikelnya yang bertajuk 'The Classical German Idea of The University Revisited', universiti, atau dalam konteks wacana kita, IPT pada hari ini dilihat sebagai institusi yang meneraju perubahan di mana hubungannya dengan dunia industri lebih erat terjalin.

The roles of the university have been changing rapidly from teaching centre for the generation and preservation of knowledge, to a corporate entity which acts as an economic and innovative institution.

Sangat jelas, bahawa amanah yang digalas oleh sektor pengajian tinggi adalah sangat besar.

Jadinya, adalah menjadi tanggungjawab bagi tenaga pengajar di IPT seluruh negara, termasuk Kolej Matrikulasi serta ILK, menampilkan peranan yang terbaik agar amanah yang digalas untuk mencorakkan legasi pewaris masa hadapan negara dapat ditunaikan sebaiknya.

Frasa 'Akademia Diperkasa, Digitalisasi Dibudaya' yang diangkat menjadi tema Sambutan Hari Akademia Kebangsaan pada tahun ini ternyata tepat pada masanya.

Tema ini memberikan penekanan kepada usaha memperkasakan agenda pendigitalan pendidikan tinggi negara dalam mendepani persekitaran norma baharu kehidupan.



KPT mengambil pelbagai langkah bagi menyesuaikan modul pembelajaran kaedah penilaian dengan persekitaran digital.

Dalam erti kata lain, tempoh krisis dan pemuliharan yang berpanjangan memerlukan kita untuk mencari solusi yang lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan kelestarian institusi pendidikan tinggi terpelihara.

Apa yang pasti, sistem pendidikan kita kini sedang mengalami transformasi. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bukan lagi berasaskan dimensi fizikal atau *place-based* semata-mata.

Tetapi, dihubungkan dengan pantas melalui rangkaian perkhidmatan pendidikan, sama ada di peringkat nasional ataupun global.

Malah, konsep virtual learning melalui platform seperti

University yang menyatakan bahawa sistem pendidikan masa hadapan akan bersifat '*just-in-time*' berbanding '*just-in-case*'.

Jadinya, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil pelbagai langkah bagi menyesuaikan modul pembelajaran kaedah penilaian yang lazim dengan persekitaran digital.

Bukan hanya tertumpu kepada pemerkasaan aspek infrastruktur seperti menaik taraf *Malaysian Research and Education Network* (MYREN), Kementerian juga turut beriltizam untuk memastikan kapasiti serta kompetensi tenaga pengajar ditingkatkan, khususnya dalam mengendalikan teknologi.

Ini penting agar matlamat pendigitalan pendidikan tinggi negara dapat dicapai secara tuntas.

Ucapan setulus penghargaan saya rakamkan kepada semua pensyarah, tenaga pengajar dan ahli akademik di seluruh negara atas segala jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan, khususnya dalam pembangunan pendidikan tinggi negara.

Marilah kita bersama-sama sebagai satu Keluarga Malaysia mengerakkan usaha pembelajaran dan pendigitalan sistem pendidikan serta bersedia mendepani cabaran digitalisasi dalam norma baharu.

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



KONSEP virtual learning melalui program seperti Massive Open Online Courses atau MOOCs, Open Educational Resources dan Flipped Classroom Online muncul sebagai sebahagian daripada inovasi disruptif.

DATUK DR BUDIMAN
MOHD ZOHDI

PEMASARAN peribadi difahami sebagai fungsi sosial agar maklumat diri dan produk yang kita pasarkan sampai kepada khalayak yang betul. Ini termasuklah agar kita mudah dicam dan punya kecantikan sosial yang unik.

Pada masa dahulu tugas itu sangat mencabar. Anda mungkin terpaksa mengetuk pintu dari rumah ke rumah, menghampiri pelanggan di meja restoran, menganjurkan parti dengan menghimpun orang-orang yang berminat, dan kemudian memberi penerangan mengenai produk atau perkhidmatan yang anda pasarkan.

Tidak semua yang anda dekati sudi mendengar dan di kalangan yang mendengar itu pula bukan semuanya berminat. Daripada 10 prospek, mungkin hanya seorang yang memberi komitmen untuk membeli atau memiliki apa yang anda tawarkan.

Mungkin juga tiada seorang pun. Selain pemasaran secara langsung seperti itu, kaedah lain yang digunakan adalah mencetak iklan, membahagikan kupon, mengepos risalah tawaran, menggantung sepanduk, mendirikan papan iklan dan pelbagai lagi. Semuanya bertujuan menarik perhatian khalayak dan seterusnya mendapatkan pelanggan.

Tetapi masalahnya kita tidak tahu secara jelas sejauh manakah risalah iklan, kupon, sepanduk, papan tanda iklan dan sebagainya yang kita usahakan itu memberi impak?

Apabila mereka menerima risalah tawaran yang kita pos misalnya, berapa ramai yang memberi respons positif, berapa ramai yang tidak membacanya langsung dan berapa ramai pula yang membelek dan kemudian mencampakkannya ke dalam tong sampah?

Sebab itu dalam usaha melawan kemiskinan kita perlu memanfaatkan dunia digital. Dalam bahasa mudah ia bermaksud hebatan mesej-mesej strategik dengan menggunakan platform digital seperti penggunaan media sosial, teks pesanan ringkas, mesej multimedia dan sebagainya. Ia lebih murah dan mudah.

Pada peringkat awal juga, penggunaan internet terbatas kepada kelompok tertentu sahaja, khususnya mereka yang memiliki komputer atau laptop, atau yang berada dalam kedudukan mampu

Manfaatkan dunia digital



PEMASARAN digital membantu memasarkan pelbagai content termasuklah segala sesuatu yang absord seperti kepercayaan dan pegangan.

mengakses salah satu di antara kedua-duanya.

Tetapi keadaan berubah secara drastik apabila muncul telefon pintar yang membolehkan internet diakses secara lebih murah dan mudah. Bilangan pengguna internet meningkat secara mendadak, manakala kawasan liputannya pula menjadi semakin bertambah luas.

Pada masa yang sama muncul pelbagai platform dan perisian termasuklah Facebook, YouTube, WhatsApp, Instagram dan lain-lain lagi.

Kini telefon pintar dan internet menjadi sebahagian daripada cara hidup. Kebanyakan orang berada 'bersama' telefon pintarnya hampir sepanjang masa.

Tujuan utama pemasaran adalah berhubung atau mengadakan kontak dengan sasaran anda pada masa yang betul dan di tempat yang betul. Ini bererti anda perlu tahu di mana sasaran itu selalu berada dan tempat itulah yang harus anda tuju.

Oleh kerana kita tahu mereka selalu berada 'bersama' telefon pintar, maka telefon pintar itulah yang harus disasarkan. Internet pula dijadikan 'tunggangan' untuk ke situ.

Berdasarkan analogi mudah itu anda dapat melihat sendiri bagaimana pentingnya pemasaran digital dalam kehidupan masa kini. Ia membolehkan anda memasarkan apa sahaja yang ada di atas muka bumi ini, termasuklah segala sesuatu yang absurd seperti kepercayaan dan pegangan.

“Tetapi keadaan berubah secara drastik apabila muncul telefon pintar yang membolehkan internet diakses secara lebih murah dan mudah.

Bilangan pengguna internet meningkat secara mendadak, manakala kawasan liputannya pula menjadi semakin bertambah luas.

melangkahlah. Pilihlah medium yang anda rasa sesuai, sama ada laman sosial, laman sesawang, portal-portal e-dagang atau kesemuanya sekali jika anda fikir anda mampu mengendalikannya. Jika tidak, pilih satu atau dua, berikan sepenuh tumpuan dan anda akan melihat bagaimana ia dengan sendirinya akan berkembang.

Tetapi seperti bidang-bidang lain, jika mahu berjaya anda harus memahami selok-beloknya. Jangan redah membabi-buta. Dapat sebanyak mungkin maklumat, panduan, tips dan sebagainya. Di internet terdapat puluhan juta maklumat berkaitan yang percuma.

Tetapi sebaik-baiknya cari mentor sebagaimana saya sebutkan dalam siri yang lepas. Minta tunjuk ajar. Setelah itu sertai rakan yang sama-sama bergiat di lapangan pemasaran digital. Anda bukan sahaja dapat berkongsi ilmu tetapi juga dapat saling membantu dalam meneroka pasaran baru.

Awasi kandungan bahan pemasaran anda. Gunakan kreativiti untuk menghasilkan content atau kandungan yang terbaik. Jangan lupa kuasa visual dan kuasa kata-kata.

Jika mampu dapatkan khidmat daripada profesional, jika tidak, belajar dan terus belajar untuk memperbaikinya dari semasa ke semasa. Ini termasuklah memilih platform yang terbaik sesuai dengan sasaran khalayak.

Kajian menunjukkan video memainkan peranan penting dalam pemasaran digital. 80 peratus daripada content sedia ada datangnya

daripada video.

Oleh itu pelajari teknik pembikinan video, kemudian hasilkan video yang konsisten, selain daripada ringkas dan mudah difahami.

Yang harus anda utamakan adalah 'engagement'. Tidak mengapa kalau ada sedikit pengikut kerana yang penting adalah nilai RM dari jualan. Apa guna ada 50,000 followers kalau yang membeli hanya lima enam orang. Ia akan hanya menyebabkan anda syok sendiri sebab berasa popular – sikap yang akhirnya akan mengganggu pemasaran anda.

Untuk melancarkan tugas, berusahalah mendapatkan capaian internet yang terbaik, tentunya ini adalah tanggungjawab kerajaan dan gunakanlah gajet yang mampu menampung keperluan kerja anda – misalnya, yang lebih pantas dengan ruang simpanan memori yang lebih besar. Tetapi jika tidak mampu, berakit-rakitlah dahulu.

Yang penting anda harus rajin; bukannya muat naik atau pos lima enam hari sekali, kemudian menopang dagu sambil berangan-angan mengira untung.

Pemalas tidak akan berjaya, tidak kiralah pemasaran kaedah apa yang digunakannya!

Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.



DALAM LAFAZ CINTA

terima kasih hujan yang telah membasuh segala debu kota akan menjadi karya bagi berseninya lukisan warga setianya.

terima kasih angin yang telah menerbangkan mimpi mimpiku begitu lama bersarang menidurkan segala peluang dari memperjuangkan harapan untuk sebuah kehidupan.

terima kasih banjir yang telah menghanyutkan kesilapanku bersama derasnya sesalan meninggalkan kesimpulan di anjung kemanusiaan. di laman keimanan.

Solihin Osman

t.me/wilayahku



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Rendah karbon tugas warga KL

PARA pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dicadang datang bekerja tanpa berkenderaan sendiri setiap Jumaat dalam usaha merealisasikan matlamat menjadikan Kuala Lumpur bandar raya rendah karbon.

Peraturan ini akan menjadi kenyataan jika didapati sesuai dan praktikal. Memetik Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, kajian mengenainya kini sedang dijalankan dengan teliti.

Tujuannya untuk menggalakkan kakitangan DBKL menggunakan pengangkutan awam bagi mengurangkan pelepasan karbon di bandar raya. Adi melihat langkah ini juga secara tidak langsung boleh membantu mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Jika saranan Mahadi menjadi kenyataan, kakitangan DBKL akan keluar rumah menaiki kenderaan awam, atau meletakkan kenderaan di stesen pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT), untuk ke pejabat. Parkir di kawasan DBKL pula akan ditutup pada setiap Jumaat.

Sementara cadangan ini dimuktamadkan, Mahadi menyarankan pegawai dan kakitangan DBKL mencuba dari sekarang menyahut seruan mengamalkan gaya hidup rendah karbon. Datanglah ke pejabat menggunakan pengangkutan awam.

Jika berjaya mencapai sasaran 50 peratus pun sudah cukup baik untuk permulaan. Barangkali berdasar kepimpinan melalui teladan, Datuk Bandar sendiri boleh menjadi pelopor sebagai langkah permulaan.

Memang saranan beliau bertujuan baik. Rendah karbon di bandar raya bermakna udara dan persekitaran lebih bersih dan segar. Semua mahukan suasana ini.

Namun memandangkan apa yang disarankan oleh Datuk Bandar ini adalah perkara baharu, Adi percaya ia bakal mengundang pelbagai reaksi, pro dan kontra, khususnya daripada kakitangan DBKL sendiri.

Kerana itu ia memerlukan kajian lebih terperinci. Misalnya daripada segi kemudahan atau convenience kakitangan dan samaada langkah tersebut boleh menyebabkan kos tambahan bagi mereka. Juga perlu dikaji daripada segi kemudahan akses mereka kepada pengangkutan awam.

Adi difahamkan, cadangan Datuk Bandar itu bukan luar biasa kerana sudah diamalkan di beberapa negara lain. Justeru Adi cadangkan agar dikaji kaedah pelaksanaan di negara berkenaan sebagai panduan pelaksanaannya di sini.

Adi sendiri lebih suka



MATLAMAT rendah karbon akan dapat dicapai dengan lebih efektif jika seluruh warga Kuala Lumpur berkongsi aspirasi DBKL

memandang cadangan ini pada perspektif lebih luas. Jika matlamat Kuala Lumpur rendah karbon hendak dicapai, ia tidak seharusnya hanya tertumpu kepada kakitangan DBKL sahaja, tetapi semua warga Kuala Lumpur.

Ini kerana kakitangan DBKL hanyalah segelintir daripada penduduk besar Kuala Lumpur. Tidak kena dan tidak memadai jika di bahu mereka sahaja diletakkan tanggungjawab merealisasikan rendah karbon kerana kesannya kelak tidak akan ketara.

Tetapi seluruh warga Kuala Lumpur mesti bersama-sama memikul tanggungjawab ini. Mereka juga mesti beramai-ramai tidak berkenderaan sendiri ke tempat kerja atau ketika melakukan apa juga urusan sehari-hari di bandar raya.

Dengan jumlah mereka yang ramai Adi percaya matlamat rendah karbon akan dapat dicapai dengan lebih efektif jika seluruh warga Kuala Lumpur

berkongsi aspirasi DBKL.

Kaedah ini boleh dilakukan dengan melarang kenderaan, kecuali pengangkutan awam, memasuki bandar raya khususnya pada waktu puncak. Suatu ketika dahulu telah wujud cadangan seperti ini.

Malah pintu gerbang atau gantry sudah didirikan di beberapa tempat di Kuala Lumpur sebagai penanda zon di mana kenderaan persendirian dilarang masuk pada waktu tertentu.

Namun entah di mana silapnya perkara ini tidak menjadi kenyataan. Pintu gerbang besi yang didirikan hanya menjadi perhiasan sebelum akhirnya dirobohkan.

Mungkin sekarang masa sesuai diwujudkan sistem zon memandangkan Kuala Lumpur bukan sahaja sesak dengan manusia tetapi juga pelbagai jenis kenderaan. Kesesakan lalu lintas sudah menjadi perkara biasa dan lebih buruk di kawasan di mana ada pembinaan jalan.

MAKLUMAN AWAM

“ Adi sendiri lebih suka memandang cadangan ini pada perspektif lebih luas. Jika matlamat Kuala Lumpur rendah karbon hendak dicapai, ia tidak seharusnya hanya tertumpu kepada kakitangan DBKL sahaja, tetapi semua warga Kuala Lumpur.

Adi bimbang tidak semua warga Kuala Lumpur akan sukarela membantu mencapai matlamat rendah karbon dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Oleh itu penguatkuasaan undang-undang diperlukan.

Masyarakat biasanya hanya patuh jika ada undang-undang, bukan atas kesedaran sendiri.

Pada masa sama tidak kurang penting ialah menambah baik dan meningkatkan mutu sistem pengangkutan awam, terutama bas. Sebenarnya ramai lebih suka menaiki pengangkutan awam. Tetapi mereka tawar hati kerana khidmat yang disediakan tidak memuaskan, terutama jadual perjalanan yang tidak menepati waktu.

Bagi pengangkutan seperti LRT, ini bukan masalah besar kerana ia menggunakan laluan tanpa gangguan. Tetapi bas dan teksi sentiasa terdedah kepada kesesakan lalu lintas yang menyebabkan pengguna sukar menjangka waktu yang diambil untuk sampai ke destinasi.

Kerana itu ramai memilih berkenderaan sendiri dan menentukan waktu perjalanan masing-masing serta keluar daripada rumah pada waktu bersesuaian.

Suatu ketika dahulu pernah diwujudkan laluan khas untuk bas bagi memastikan kelancaran pergerakannya tanpa gangguan daripada kenderaan lain bagi menepati waktu perjalanan. Namun ini pun tidak berjalan lama. Kini bas kembali bersaing dan bersesak dengan pelbagai kenderaan lain.

Adi juga harap pihak berkuasa memberi perhatian terhadap keadaan kenderaan awam itu sendiri, tidak kira bas atau teksi. Pastikan ia dalam keadaan sempurna, sesuai berada di atas jalan dan selesa serta bersih.

Ini kerana kenderaan awam seperti bas banyak melepaskan karbon tinggi, ada kala dengan asap berkepul-kepul. Tentu kelakar jika hendak menggunakan kenderaan awam untuk mengurangkan pelepasan karbon tetapi kenderaan awam itu sendiri tinggi karbon!

Namun Adi melihat usaha yang cuba diterapkan

oleh Mahadi ini sesuatu yang positif sebagai langkah permulaan menjadikan Kuala Lumpur rendah karbon. Setiap gerak kerja perlu ada permulaan dan DBKL sudah mengerakkan permulaan ini.

Terkena itu cadangan ini wajar diberi peluang untuk dicuba dan sekurang-kurangnya dilaksanakan sebagai projek percubaan atau pilot project bagi mendapatkan tindak balas atau feedback ramai, terutama kakitangan DBKL. Adakah ia lebih memudah atau menyusahkan? Dari situ dapat diukur sejauh mana keberkesanannya dalam mencapai objektif rendah karbon.

Tidak syak Kuala Lumpur, bandar raya kota batu dan sentiasa terdedah kepada pencemaran memerlukan persekitaran yang bersih dan segar. Kerana itu usaha agresif bagi menseimbangkan persekitaran dilakukan sepanjang masa dengan mewujudkan taman-taman serta penanaman pokok-pokok hijau di seluruh pelosok ibu negara.

Usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon dilihat sebagai langkah tambahan dan berterusan memastikan kebersihan dan kesegaran terus terpelihara, pencemaran dikurangkan dan warga kota hidup dalam suasana sihat dan ceria.

Namun usaha ini memerlukan sokongan semua warga kota. Kita semua mahu hidup sihat dan dalam suasana nyaman. Justeru wahai warga Kuala Lumpur sambutlah seruan rendah karbon ini. Sama-sama bertekad agar bandar raya yang disayangi kekal segar bersih serta kondusif untuk seluruh warganya menjalani kehidupan dan mencari rezeki.

- Adi Tuah

SAJAK

SECANGKIR KOPI DI BERANDA

Di luar gerimis menyapa kristal di patera berkilaun melambai lengguk menari dalam santun mengelus manja mencuri pandang nyaman mendamaikan.

Kiranya masih lagi diutuskan rahmat dalam lafadz syukur yang likat secangkir kopi aroma merup nikmat pesona berlimpah berkat.

Panca indera masih mampu bertebar merayap awan langit berpadu berdendang syahdu dalam asyik melangkaui permatang damai membela raga bersiuulan di atmaku.

Sujata Wee

Edar bubur asyura Perlis kepada warga kota

Konvoi motosikal santuni warga kota

HAZIRAH HALIM

AKTIVITI konvoi sam-bil beramal sudah menjadi kebiasaan buat Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun untuk menyantuni warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan.

Baru-baru ini, beliau yang menunggang motosikal berkuasa besar miliknya, bersama-sama enam motosikal penguatkuasa wanita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan kumpulan motor GPX Malaysia telah mengagihkan bubur asyura Perlis kepada 14 buah rumah penduduk Desa Pandan melalui program Konvoi Beramal RumahPrihatin@GrandSeasons.

"Saya sudah biasa mengikuti aktiviti permotoran seperti ini untuk melaksanakan program kebajikan.

"Bagi saya, ia adalah satu aktiviti yang baik dan boleh menjadi galakkan kepada masyarakat khususnya golongan muda untuk turut serta dalam aktiviti amal," katanya ketika ditemui *Wilayahku* selepas melaksanakan konvoi sam-



ZAIZALNIZAM mengikuti Program Konvoi Beramal@RumahPrihatin menggunakan motosikal miliknya.

bil beramal pada Khamis lalu.

Bagaimanapun, beliau turut menasihatkan semua pihak yang ingin melaksanakan program seperti ini supaya menitikberatkan aspek keselamatan setiap penunggang motor yang terlibat.

"Bila melibatkan pergerakan

kenderaan, aspek keselamatan dan peraturan jalan raya harus menjadikan keutamaan.

"Secara tidak langsung, perkara ini akan mendidik semua pihak termasuk pengangur dan peserta untuk lebih berdisiplin dalam sebarang aktiviti yang diadakan,"



DATIN Seri Shamsiah Md Yassin (kiri) melawat salah seorang penduduk Desa Pandan ketika Program Konvoi beramal.

katanya.

Program KonvoiBeramal@RumahPrihatin menyaksikan isteri kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah Md Yassin bersama 10 orang jentera iaitu barisan ahli Wanita UMNO Perlis menyingsing lengan

memasak bubur asyura sebanyak 145 bekas.

Proses memasak yang mengambil masa selama tiga jam itu turut dibantu oleh Pengarah Eksekutif Rumah Prihatin, Datuk Mohd Irwan Rizal Ali Napiah serta kakitangan Rumah Prihatin. **WK**

Penjaga tandas awam gembira dirai, terima bakul makanan

CAKNA dan prihatin dengan tugas penjaga tandas awam di ibu negara, Persatuan Penyayang dan Kesaksamaan Kuala Lumpur mengambil inisiatif menyerahkan bakul makanan kepada petugas terlibat.

Pengerusinya, **Idris Moktar** berkata, pihaknya sangat menghargai peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan pencuci tandas awam di seluruh Kuala Lumpur sepanjang tempoh penularan wabak.

Ujarnya, tandas awam sentiasa menjadi tumpuan warga kota yang mana ia membuka ruang jangkitan wabak kepada petugas terlibat.

"Mereka pun boleh dikategorikan sebagai petugas barisan hadapan kerana perlu berhadapan risiko dijangkiti COVID-19. Bagaimanapun, ramai yang terlepas pandang golongan ini," katanya kepada *Wilayahku* pada Ahad.

Menurut Idris, sumbangan berupa barang asas dapur itu diserahkan sebagai pengenalan kepada Hari Tandas Sedunia yang akan disambut pada 11 November setiap tahun.

Tambahnya, persatuan amat berharap, warga kota memberi kerjasama untuk menjaga kerbersihan tandas awam demi kebaikan semua

termasuk pelancong luar.

Sementara itu, penerima sumbangan di tandas awam belakang Istana Negara Lama, Asmi Senin, 47, menzahirkan rasa syukur atas sumbangan yang diberikan Persatuan Penyayang dan Kesaksamaan Kuala Lumpur.

"Saya sangat menghargai sumbangan barang dapur yang diberikan," katanya yang juga kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Terdahulu, sumbangan diserahkan kepada penerima di lapan lokasi tandas awam terpilih sekitar ibu negara yang bermula pukul 10 pagi sehingga 12.30 petang. **WK**



IDRIS (dua kanan) menyerahkan sumbangan kepada Asmi di hadapan Tandas Awam Istana Negara Lama.

REALITI KEHIDUPAN

realiti kehidupan

8 - 14 OKTOBER 2021 . BIL 136

Wilayah Ku



Lebih dua dekad, Wetland Putrajaya kekal lestari



PESONA Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan tidak lain tidak bukan terletak pada tasik dan Wetland yang terbentang luas saujana mata memandang, airnya yang bersih dan tenang mampu memukau pelancong dari serata pelosok dunia.

23 tahun kewujudan sebuah tasik buatan seluas 600 hektar di tengah-tengah bandaraya bukanlah satu tempoh yang singkat. Pelbagai manfaat dikecapi selain membawa peranan penting dalam memastikan ekosistem di Putrajaya seimbang melalui penapisan air semula jadi.

Di sini juga menjadi lokasi kesinambungan semula jadi yang berperanan dalam menjaga

keseimbangan habitat bagi menambahkan kepelbagaiaan hidupan akuatik, serangga dan burung.

Malah sepanjang tempoh tersebut, satu demi satu pengiktirafan dunia dikecapi membuktikan kejayaannya mengaplikasikan prinsip-prinsip asas ekohidrologi yang memberikan penekanan dari aspek ekologi, sains mahupun kejuruteraan.

Ia disebabkan oleh corak penyelenggaraan yang dilaksanakan Seksyen Pengurusan Ekohidrologi Tasik dan Kawasan Tadahan, Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland, Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj).

RM4 juta setahun demi kesinambungan tasik dan Wetland Putrajaya

USIA Wetland Putrajaya sudah pun menjangkau 23 tahun sementara tasiknya pula memasuki 20 tahun sekali gus menyaksikan pengurusan ekosistem kedua-duanya semakin mencabar dalam memastikan ia berfungsi dengan sempurna.

Maka bagi menjayakannya, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganggarkan peruntukan kos penyelenggaraan tahunan adalah RM4 juta hingga RM5 juta khusus untuk pengurusan bersepadu kawasan tasik dan Wetland.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Tasik dan Wetland, Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), **Normaliza Noordin**, kaedah pengurusan bersepadu dilakukan dengan teliti merangkumi aktiviti penyelenggaraan, program pemantauan, penilaian kepelbagaiannya ekosistem dan tindakan pengurusan.

"Pembersihan secara menyeluruh kawasan tasik dan Wetland setiap hari melibatkan tidak kurang 14 orang pekerja yang melakukan kerja dari dalam kawasan tasik dan tebing. Selain pembersihan, ia termasuk juga penyelenggaraan struktur dan kemudahan seperti tebatan batu, empangan jeti dan sebagainya."

"Kita juga turut melakukan pemantauan biologi dan fizik kimia air, hidrologi serta air bawah tanah, cuaca dan hujan



KAYAK antara aktiviti yang dilakukan di sini.

serta keselamatan empangan selain persampelan kualiti air bagi parameter fisiokimia pula dilakukan secara bulanan, dwitahunan dan tahunan di 17 lokasi di Tasik Putrajaya," ujarnya.

Katanya lagi, data-data pemantauan menunjukkan sistem wetland berfungsi sebagai penapis semula jadi secara tidak langsung merekodkan bacaan Indeks Kualiti Air (IKA) dalam julat Kelas II (Bersih) sesuai untuk aktiviti sukan dan rekreasi air melibatkan sentuhan kulit secara langsung.

"Pihak kami juga turut melakukan pemantauan biologi, aspek kehadiran organisme seni serta bakteria penyebab penyakit bawaan air dikaji dengan terperinci bagi memastikan tasik

selamat digunakan.

"Pengurusan bersepadu berkait rapat antara satu sama lain, menerusnya juga kita akan meninjau fauna darat termasuklah burung, serangga, mamalia, reptilia dan amfibia selain pertumbuhan vegetasi Wetland atau tumbuhan di zon limpahan banjir seperti pokok berkayu, renek dan palma.

"Seterusnya tindakan lanjutan diambil berdasarkan data dan penilaian semasa di tapak. Antaranya kerja pembuangan kelodak, penuaan dan penanaman semula tumbuhan wetland secara berkala untuk memastikan Wetland berfungsi sebagai penapis bahan cemar semula jadi yang cekap," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Kata Normaliza lagi, bagi tujuan kawalan tebing dari runtuh, tambakan batu diletakkan di sekeliling tebing tasik selain pokok-pokok bersesuaian ditanam untuk



KEINDAHAN tasik yang mendamaikan.

menarik burung, serangga dan ikan.

"Sehingga kini, inventori merekodkan penemuan sebanyak 202 spesies burung, 56 spesies ikan, 22 spesies reptilia, 17 spesies mamalia, 16 spesies amfibia dan lebih 1,000 morphospesies serangga," ujarnya lagi.

TUKAR AMALAN GAYA HIDUP

Seperti sedia maklum, Tasik Putrajaya diiktiraf sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi Dunia pada tahun 2010 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) kerana kejayaan menyelesaikan masalah pencemaran air dengan pendekatan kaedah mesra alam secara efisien.

Namun kejayaan tersebut turut memerlukan tanggungjawab bersama dari semua pihak untuk menjaga dan bersama mengambil

peduli tentang ekosistem bandar bagi memastikan kelestarian tasik dan Wetland itu sendiri.

Kata Normaliza, pengurusan ekosistem mencabar apabila semakin ramai warga kerja serta residen mendiami Putrajaya serta permintaan penggunaan tasik yang pelbagai juga meningkat setiap tahun.

"Infrastruktur dan fasiliti yang berusia, saliran air masuk ke tasik dari kawasan pembangunan dan tapak komersial tanpa kawalan cekap, bahan cemar sisa air basuhan dari kawasan perumahan dan sebagainya turut memberi impak kerosakan habitat serta tidak terkecuali pencemaran tasik.

"Jadi, amalan gaya hidup perlu diubah antaranya sisa makanan, sisa basuhan, minyak terpakai serta sampah sarap tidak sewenang-wenangnya dibuang ke sistem perparitan awam yang seterusnya akan berakhir di tasik," ujarnya.



SESI menanam Sel tumbuhan di Wetland



Perbadanan Putrajaya rangkul pengiktirafan antarabangsa

PENGURUSAN tasik dan Wetland Putrajaya secara bersepadu diperakui antara yang terbaik sejajar pengiktirafan antarabangsa sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Program Hidrologi Antarabangsa (IHP) sejak tahun 2010.

Tasik dan Wetland Putrajaya juga menjadi tapak rujukan pengurusan badan air oleh Jawatankuasa Lake Alam Sekitar Antarabangsa (ILEC) yang berpusat di Universiti Shiga, Jepun dengan konsep '*Integrated Lake Basin Management*' iaitu kaedah pengurusan bersepadu secara holistik di peringkat lembangan.

Konsep ini bukan sahaja

menitikberatkan kerja penyelenggaraan pengurusan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj), malahan mencakupi keperluan tindakan oleh pihak berkepentingan di kawasan sempadan dalam Selangor serta pihak awam.

Tasik dan Wetland Putrajaya telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan sama ada di peringkat nasional, mahupun antarabangsa.

INFO
INFO ORKID VANDA HOOKERIANA (Kinta Weed)

- Mudah tumbuh dan berbunga
- Gandingan mesra *Hanguana Malayana* (bakong)
- Dipercayai paling banyak tumbuh di kawasan sekitar Kinta, Perak
- Sekitar tahun 2020, Orkid *Vanda Hookeriana* dilihat tumbuh bersama-sama pokok bakong di Wetland Putrajaya
- Turut dikenali sebagai *Papilionanthe Miss Joaquim* atau Orkid Singapura dan diangkat sebagai bunga kebangsaan negara berkenaan
- Berbunga sekali dalam setahun

INFO
BERIKUT IALAH SENARAI ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN YANG DICAPAI:

- **2010:** Diperakui salah satu tapak '*Operational Demonstration Sites*' di dunia oleh UNESCO-Ecohydrology Demonstration Sites
- **2012:** Menerima 'Gold Award' untuk Pertandingan '*Environmentally Sustainable Natural Project by the International Awards for Livable Communities* (LivCom)
- **2013:** 'Excellence Awards' oleh Persatuan Lanskap Arkitek Malaysia
- **2013:** Mencapai markah 93% daripada Unit Penyelaras Pelaksana, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) untuk Penilaian 'Outcome' Projek Tasik dan Wetland Putrajaya
- **2016:** Pemenang Merit – Perancangan dan Pengurusan Inovatif oleh Institut Perancang Malaysia, Anugerah Perancangan Kecemerlangan 2016
- **2017:** Anugerah Poster – *Constructed Wetland Association Annual Conference 2017*, Slimbridge Wetland Centre, United Kingdom

Reaksi Taman Wetland Putrajaya

"PADA pandangan saya, pengurusan ekosistem wajar diperluaskan kerana ianya dapat mengurangkan masalah kebersihan dan pencemaran. Sistem ini perlu digunakan bukan sahaja di tasik Wetland tetapi di kawasan lain juga."



NUR ATIFAH HALID, 24
Pelajar

"PENANAMAN pelbagai jenis pokok-pokok di sekeliling kawasan tasik Wetland adalah satu inisiatif yang terbaik untuk para pengunjung mendapatkan kawasan yang segar, bersih, tidak tercemar serta lebih selesa untuk melakukan aktiviti riadah."



HAIRUL HELMI YAAKOB, 23
Pembantu Peribadi

"PEMBERSIHAN secara menyeluruh di kawasan tasik Wetland dengan penanaman

pokok-pokok tumbuhan dilihat dapat membantu memulihkan pengurusan ekosistem serta dapat menarik lebih banyak habitat haiwan seperti burung, serangga dan banyak lagi."

HAIRY ISMAIL A RAHMAN, 44
Chef



fungsi sebagai penapis semulajadi yang pastinya dapat menghindarkan daripada sisa kotoran dan sampah sarap yang boleh mencearkan kebersihan tasik.

HASNAERDAWATY MD HANAPI, 41
Chef

"TASIK pertama buatan manusia di Malaysia iaitu taman Wetland patut dijadikan contoh kepada tasik lain berikutnya pengurusan ekosistem yang berjaya menghasilkan sebuah pusat rekreasi yang diselenggarakan dengan keindahan tumbuhan semulajadi



"KEINDAHAN taman Wetland yang dihasilkan dengan pelbagai jenis tumbuhan ber-

pelbagai jenis habitat haiwan.

NURFARISYA ILYANA DAHALAN, 23
Penolong Pegawai Tadbir

"UNTUK memelihara keindahan alam semula jadi, masyarakat perlu ada sifat tanggungjawab untuk menjaga kebersihan sekali gus menjadikan tasik sebagai sebuah tempat rekreasi yang bersih, segar dan mampu melahirkan komuniti yang sihat."



ABU ZAKI HADRI, 42
Pelukis



Labuan terus diberi perhatian



NAZIRUL ROSELAN

MENTERI Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** dan Timbalannya Datuk Seri Jalaludin Alias turun ke Wilayah

Persekutuan Labuan dalam rangka lawatan kerja rasmi dalam tempoh 100 hari dilantik.

Labuan yang telah mencapai 100 peratus imuniti kelompok vaksinasi dan telah berada di dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dilihat mula menjalani kehidupan normal seperti sebelum pandemik.

Lawatan kerja selama tiga hari digunakan oleh Shahidan untuk melihat pembangunan yang dibuat di Labuan dan beramah mesra dengan penduduk.

Shahidan juga akan terus memberi keutamaan pembangunan dan ekonomi di Labuan sejajar dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya,

SHAHIDAN (tengah) selepas selesai menanam pokok bakau pada pelancaran Kempen Menanam 1 juta Pokok Peringkat Labuan.





SHAHIDAN beramah mesra dengan penduduk selepas mengadakan lawatan di Kampung Air Patau-Patau Labuan.



Bakat atau pengikut sejuta, mana lebih utama?



DEEL ANJER

SYARAT mahu jadi pelakon utama perlu ada sejuta pengikut di media sosial. Inilah persoalan yang kembali menjadi bualan ‘panas’ dalam kalangan penggiat seni apabila

pelakon otai, Namron memuat naik gambar dengan kapsyen ‘nakal’ foto bugil penuh akan disiarkan sekiranya sasaran (1 juta pengikut) tercapai sebelum 2022.

Kenyataannya itu susulan, isu saluran televisyen (TV) penstriman meletakkan syarat bagi watak utama mempunyai sejuta pengikut di laman Instagram (IG).

Dia yang juga pengarah

berbakat besar, tidak bersetuju dengan keputusan stesen TV penstriman yang mahukan pelakon dengan mempunyai jutaan pengikut dalam media sosial.

Nam Ron berkata, sekiranya corak sedemikian diamalkan berterusan, ia boleh merosakkan industri kreatif pada masa hadapan.

Ibu ini juga turut mendapat perhatian Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Tan Sri Annur Musa. Menerusi ciplan di laman Twitter, beliau menegur peluang harus diberikan sama rata kepada pelakon baharu yang mempunyai jutaan pengikut mahupun pelakon berbakat tanpa pengikut yang ramai.

Walaubagaimanapun, setiap



mereka yang terlibat dalam industri ini mempunyai pendapat dan alasan tersendiri mengenai isu berkenaan.

WK

Apa boleh buat, berbakat besar tapi bukan pilihan stesen TV – Fadzil Teh

BAGI penerbit terkenal dari Zeel Production, Fadzil Teh, pemilihan pelakon yang mempunyai ramai pengikut di Instagram adalah sangat penting.

Menurut Fadzil atau lebih dikenali sebagai Haji Zeel, agak sukar baginya sebagai penerbit jika seseorang pelakon berbakat besar tetapi bukan menjadi pilihan stesen televisyen (TV).

“Sekarang ini artis terutamanya pelakon terlalu ramai. Kadang-kadang pihak stesen televisyen kurang mengenali mereka. Jadi berapa ramai pengikut di media sosial menjadi ukuran sejauh mana mereka dikenali.

“Maknanya semakin banyak pengikut, itu membawa maksud semakin ramai yang meminatiinya.

“Sejurnya saya tak faham, kenapa ada pihak mengaitkan apabila ramai pengikut, pelakon tersebut dianggap ‘kayu’. Setahu saya, ramai pelakon yang berbakat besar, dalam masa yang sama mempunyai ramai pengikut di media sosial.

“Kalau kurang pengalaman pun, peluang yang diberikan sedikit sebanyak akan memperbaiki kelebihan yang ada. Saya tidak rasa ia salah. Ini kerana pelakon-pelakon lama pun bermula daripada tidak ada apa-apa sehingga bakat mereka diasah melalui shooting.

“Saya juga pelik apabila ada sesetengah pelakon ‘berhaluan kiri’ yang terlalu mengagung-agungkan

bakat. Apa boleh buat, berbakat besar tapi bukan menjadi pilihan stesen televisyen.

“Kebanyakan mereka berlakon filem yang tidak melibatkan stesen televisyen,” luah Haji Zeel yang menganggap pengikut ramai antara elemen penting dalam mempromosikan sesebuah drama.

Menurutnya, ramai pelakon baharu yang mempunyai pengikut ramai, mudah memberikan kerjasama.

“Saya setuju apabila ada pihak utamakan pelakon yang mempunyai pengikut ramai di media sosial. Bakat boleh diglap dan mereka senang dididik, dalam masa sama, langkah promosi drama menjadi lebih senang kerana mereka mempunyai ramai pengikut. Bayangkan sekali upload di Instagram, ramai pengikut yang tahu tentang drama tersebut.

“Itu belum lagi dikira para penaja atau pengiklan yang mahukan pelakon mempunyai ramai pengikut kerana produk mereka sekali gus menjadi perhatian.

“Misalnya pelakon Sharifah Rose yang mempunyai ramai pengikut tetapi bakatnya kurang menyerlah pada awalnya. Namun, lama-kelamaan banyak yang dipelajarinya. Ini terbukti, pelakon yang banyak pengikut juga mampu menjadi lebih baik apabila diberi peluang,” ujarnya yang berharap pelakon lama sedar akan kepentingan media sosial dalam mendapatkan tawaran berlakon.

“Kepada pelakon-pelakon ‘berhaluan kiri’ ini, kena terima hakikat mempunyai pengikut yang ramai di media sosial adalah trend masa kini. Mahu atau tidak, trend perlu diikuti jika tak mahu ketinggalan.

“Bakat sahaja tak cukup, pengikut dalam media sosial juga sangat penting apabila ia turut melibatkan rangka promosi dan penajaan.

“Tak payah tengok jauh, ramai menteri kita pun sangat pentingkan media sosial sehingga mereka mempunyai pasukan khas untuk menjaga media sosial mereka. Kenapa? Ini kerana media sosial adalah trend atau gaya hidup sekarang yang sudah menjadi keperluan,” jelasnya lagi.



FADZIL TEH

adalah langkah terbaik dalam menangani isu ini.

“Artis-artis di luar sana mereka pun nak cari makan. Itu kerja mereka. Janganlah khianati mereka sehingga hilang pekerjaan.

“Sekurang-kurangnya kena buat gabungan sama rata artis baharu dan lama. Begitu juga dengan artis bukan Melayu seperti Cina, India termasuk etnik Sabah dan Sarawak, kita mesti bersatu. Ramai antara mereka berbakat tetapi tak diberi peluang.

“Saya harap artis-artis kita dapat bersatu, lawan isu-isu sebegini. Kita harus bersatu dan bersuara untuk kebaikan. Pihak berkuasa juga harus mendengar rintihan anak-anak seni kerana kami diperlukan hanya ketika diperlukan,” ujarnya lagi.



DATUK KHADIJAH IBRAHIM



SHUHAIMI LUA

Bakat dan pengikut ramai, kedua-duanya penting - Shuhaimi Lua

PENGARAH yang juga penerbit di syarikat produksi Tanah Beris Production, Shuhaimi Lua berkata, bakat tanpa pengikut yang ramai menyebabkan dirinya sukar untuk ‘menjual’ sesebuah drama.

“Bagi saya bakat dan pengikut ramai, kedua-duanya penting. Saya sebagai pengarah dan penerbit, sudah tentu saya mahu drama saya mempunyai rating

yang tinggi atau menjadi tontonan ramai.

“Sekarang ini pun sudah ramai pelakon yang berbakat besar dan mempunyai pengikut ramai. Misalnya Nad Zainal. Dia seorang pelakon yang mementingkan bakat, dalam masa yang sama dia sedar jumlah pengikut di media sosial juga sangat penting.

“Iyalah, sebuah karya dihasilkan diharap mampu mendapat tontonan

ramai selain menyampaikan mesej dalam drama tersebut. Kalau karya hebat macam mana pun, apalah erti jika tidak mendapat sambutan,” luah Shuhaimi yang melihat pengikut ramai diperlukan bagi membolehkan stesen televisyen menjana keuntungan.

“Saya faham kehendak sesetengah stesen televisyen yang mahu menarik minat pelbagai pihak

untuk menaja atau terlibat sebagai rakan kerjasama. Ini kerana, mahu atau tidak ekonomi sesebuah stesen televisyen juga penting untuk terus beroperasi.

“Menyedari hakikat ini, saya menyeru kepada artis-artis agar tidak mengabaikan kepentingan atau peranan media sosial sebagai anak seni. Pengaruh di media sosial dan bakat haruslah seiring,” jelasnya lagi.

Empat filem sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara



DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

KANSER payudara adalah kanser nombor satu di Malaysia dan paling kerap berlaku dalam kalangan wanita. Namun masih ramai yang kurang peka mengenai simptom awal kanser tersebut.

Mempunyai penyakit kronik adalah merupakan pengalaman

yang sangat traumatis dan menjadi penjaga seseorang dalam kedudukan ini boleh menjadi sukar dan bermain dengan pelbagai emosi.

Sempena Oktober yang merupakan Bulan Kesedaran Kanser Payudara ini, *Wilayahku* kongsikan empat filem berkaitan kanser payudara buat tontonan anda. Sambil berhibur penonton juga boleh belajar serta selami pengalaman pesakit kanser ini.

WK



#4 Tig

Pengarah: Kristina Goolsby, Ashley York
Pelakon: Tig Notaro

FILEM dokumentari ini mengisahkan Notaro didiagnosis menderita kanser payudara pada tahun 2012 sebelum dia memutuskan untuk melakukan satu set bahan baru di kelab komedi LA Largo, sebuah persembahan yang membuatnya tular.

Dokumentari ini memfokuskan pada tahun selepas malam itu. Notaro tampil di kelab-kelab di seluruh negara sambil menjalin hubungan baru dengan aktris Stephanie Allynne, berusaha untuk mempunyai anak, dan mengatasi kematian ibunya.

kanser payudara yang akhirnya menemukan Tika, Bebi, Fina dan Ken.

Bebi, yang merupakan model, kehilangan payudara dan rambutnya. Fani, seorang suri rumah yang masih menyusukan anaknya, mesti bersedia menjalani pembedahan pembuangan payudara. Sementara Ken, didiagnosis menghidap kanser payudara pada usia 19 tahun.


Tika, satu-satunya yang tidak menghidap kanser payudara, sanggup memotong rambutnya sehingga botak. Semua ini dilakukan untuk menyokong Bebi, Fina dan Ken.

#1 A Pinky Promise

Pengarah: Guntur Soeharjanto
Pelakon: Agni Pratistha, Alexandra Gottardo, Chelsea Islan

WARNA merah muda atau pink memenuhi filem *A Pinky Promise* yang mengangkat mengenai kanser payudara. Filem ini menceritakan tentang persahabatan wanita yang berlainan usia serta perjalanan hidup.

Kisahnya bermula dengan perjuangan Agni melawan barah yang tidak berhenti sehingga akhirnya dia harus duduk di kerusi roda. Kemudian Agni membuka Rumah Pink, sebuah rumah bagi pejuang



#3 Five

Pengarah: Jennifer Aniston, Patty Jenkins, Alicia Keys, Demi Moore, Penelope Spheeris
Pelakon: Ginnifer Goodwin, Patricia Clarkson, Lyndsy Fonseca, Rosario Dawson, Jeanne Tripplehorn

FIVE mengisahkan lima filem pendek mengenai kesan kanser payudara terhadap kehidupan lima individu. Filem fiksyen ini turut mengajar penonton mengenai pemeriksaan kesihatan amat penting terutama dalam mengesahkan kanser payudara di peringkat awal sekali gus dapat menyelamatkan nyawa rakan, isteri, ibu dan nenek.



#2 Miss You Already

Pengarah: Catherine Hardwicke
Pelakon: Toni Collette, Drew Barrymore

MISS You Already menceritakan tentang persahabatan dua wanita. Pada mulanya Jess berfikir bahawa kawan baiknya Milly adalah wanita yang mempunyai kehidupan paling sempurna. Milly mempunyai kerjaya yang berjaya, rumah yang bagus serta suami dan dua orang anak yang sempurna manakala Jess adalah seorang pekerja taman awam, tinggal di dalam bot dengan teman lelakinya dan terdesak cuba untuk mendapatkan bayi.

Persahabatan mereka sejak kecil membuat Jess dan Milly saling memerlukan bahkan tidak ada rahsia di antara mereka. Setelah Milly mendapat berita yang mengubah hidupnya, Milly didiagnosis menghidap kanser payudara dan dia memerlukan Jess lebih dari sebelumnya.

Masalah mulai timbul ketika Jess secara tidak sengaja menutupi berita kehamilannya dari Milly. Milly yang mula sensitif kerana penyakitnya menjadi alasan Jess tidak berkongsi berita gembira tersebut ketika sahabat baiknya itu sedih. Apakah yang akan berlaku kepada persahabatan mereka?



Pembuka selera gaya hidup kini



SABRINA SABRE

PEMBUKA selera ini sangat unik dan berkhasiat kerana setiap resipi yang dipersembahkan mengandungi kiraan kalori dan kandungan nutrisi yang boleh membantu anda merancang pemakanan yang sihat.

Akhbar Wilayahku edisi kali ini memberi panduan kepada anda bagaimana menyediakan bahan dan masa memasak tidak sampai 30 minit. Berasaskan bahan sedia ada di dapur diadun menjadi resipi yang berkhasiat.

Jika anda ingin mencuba resipi pembuka selera yang mudah, cepat dan ringan, jangan terlepas idea dari kami!

WK

Roti Bakar Telur

BAHAN-BAHAN

12 keping roti putih/roti gandum
6 keping daging
6 biji telur
½ cawan keju Cheddar diparut
½ sudu teh Aji-Shio Lada Hitam Berperisa
2 sudu besar mentega Minyak secukupnya Daun bawang dihiris halus

CARA PENYEDIAAN

1. Panaskan ketuhar terlebih dahulu pada suhu 150°C.
2. Griskan acuan muffin dengan mentega.
3. Potongkan roti berbentuk bulat atau gunakan pemotong biskut berbentuk bulat dan gelekan 2 keping bulatan roti.
4. Masukkan bulatan roti yang telah digelek ke dalam acuan muffin.
5. Di dalam kuali leper, panaskan minyak untuk menggoreng kepingan daging separuh masak.
6. Masukkan kepingan daging digoreng ke dalam acuan muffin yang telah dilapik dengan roti tadi.
7. Taburkan keju Cheddar di atas kepingan daging.
8. Pecahkan telur dan taburkan Aji-Shio Lada Hitam Berperisa di atas telur.
9. Bakarkan dalam ketuhar sehingga telur putih masak.
10. Apabila roti bakar telur masak, keluarkan dari acuan dan hiaskan dengan hirisan daun bawang.



Sandwich Sushi

BAHAN-BAHAN

9 keping roti putih 6 helai daun salad ½ biji timun Jepun dipotong panjang ½ biji lobak merah dipotong panjang

BAHAN A

60 gram ikan tuna dicincang 1 biji bawang merah dicincang 2 sudu besar Mayonis

¾ sudu kecil Aji-Shio Lada Hitam Berperisa

BAHAN B

6 keping filamen ketam, dicincang 2 sudu besar Mayonis ½ sudu kecil Aji-Shio Lada Hitam Berperisa

BAHAN C

60 gram ayam cincang direbus 1 sudu besar Mayonis

½ sudu besar sos cili ¾ sudu kecil Aji-Shio Lada Hitam Berperisa

CARA PENYEDIAAN

1. Campurkan semua bahan untuk setiap jenis inti di dalam manguk berasingan. Gaul sehingga rata.
2. Potongkan bahagian tepi roti dan ratakan roti dengan pencanai doh.
3. Ratakan sedikit inti pada roti.
4. Letakkan daun salad di atas inti.
5. Tambahkan lobak merah dan timun.
6. Gulungkan kemas dan simpan di dalam peti sejuk selama 10 minit.
7. Potong kepada 3 dan sedia untuk dihidang.



Vietnamese Gulung Ayam Teriyaki

BAHAN A

2 sudu besar minyak masak 1 biji bawang merah dicincang 2 ulas bawang putih dicincang ½ inci halia dicincang 3 keping isi peha ayam ¼ sudu kecil Ajinomoto ¼ sudu kecil garam 1 ½ sudu besar kicap cair 3 sudu besar kicap manis ½ sudu kecil minyak bijan ¾ cawan air

BAHAN B

10 kulit kulit popia Vietnam Air secukupnya 5 helai daun salad romaine



dibelah dua
½ biji lobak merah dihiris
½ biji timun dihiris

CARA PENYEDIAAN

1. Panaskan minyak masak, tumis bawang merah, bawang

putih dan halia sehingga naik bau. Masukkan isi ayam dan goreng sehingga separuh masak.

2. Perasakan dengan garam Ajinomoto, kicap cair, kicap manis dan minyak bijan.
3. Masukkan air. Didihkan.
4. Masukkan banchuan tepung jagung, kacau sehingga pekat.
5. Asingkan ayam dan tapiskan sos. Ketepikan.
6. Hiriskan isi ayam.
7. Celup kulit popia dengan air, letakkan daun salad romaine, hirisan ayam, lobak merah dan timun. Balut kemas.
8. Sedia untuk dihidang dengan sos.

Tomato Pedas dan Salsa Jalapeno

BAHAN-BAHAN

500 gram tomato merah dicincang 125 gram tomato dikisar 3 sudu besar Jalapeno dicincang 3 sudu besar bawang merah dicincang 60 gram ketumbar atau parsli dicincang 2 sudu kecil Seri Aji Perencah Masak Merah 250 gram keju Feta diparut halus 3 sudu besar minyak zaitun 2 sudu besar cuka 1½ sudu kecil garam 1 sudu kecil Aji-Shio Lada Hitam Berperisa ½ sudu kecil Ajinomoto

150 gram keju Parmesan diparut

CARA PENYEDIAAN

1. Dalam manguk sederhana besar, masukkan tomato, Jalapeno, bawang, ketumbar atau parsli, campuran Seri-Aji Perencah Masak Merah dan keju Feta, gaul rata.
2. Masukkan minyak zaitun dan cuka, garam, Lada Hitam Berperisa Aji-Shio dan Ajinomoto sehingga sebatи.
3. Tabur keju Parmesan yang telah diparut. Hidangkan dengan taco.



Kehidupan bersama pasca covid-19: Satu penerimaan



PROF.DATUK DR LOKMAN HAKIM SULAIMAN

SUKA atau tidak, kita perlu menerima hakikat bahawa kita perlu menjalani hidup ini bersama-sama virus COVID-19. Tanpa kita sedari, perkataan ‘pandemik’ sudah tidak lagi menimbulkan perasaan gerun di kalangan masyarakat. Kebanyakan mereka mengakui perkataan ‘pandemik’ sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan masa kini.

Namun, apakah yang akan berlaku apabila virus COVID-19 ini menjadi satu situasi yang biasa? Pro Naib Canselor Penyelidikan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), yang juga merupakan Pengarah Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (IRDI) IMU, **Profesor Datuk Dr. Lokman Hakim Sulaiman** membincangkan bagaimana kita boleh beralih dari pandemik kepada endemik.

Seperti yang diuar-uarkan di media massa, Kementerian Kesihatan mengumumkan bahawa Malaysia ketika ini berada di landasan yang betul untuk beralih ke fasa endemik pada penghujung bulan Oktober. Berikutnya pengumuman itu, banyak perbincangan mengenainya yang dapat kita ikuti di media-media utama dan dalam talian.

“Kita bakal memasuki fasa endemik, tetapi ia tidak bermakna virus COVID-19 akan pupus. Orang ramai perlu difahamkan yang jangkitan tidak akan berhenti begitu sahaja, tetapi ia akan tetap ada bersama-sama kita dan terus menular,” jelas Datuk Lokman.

Oleh itu, masa depan kita bukan gelap dan suram. Sebenarnya, peralihan pandemik kepada endemik itu merujuk kepada sejumlah besar masyarakat yang semakin imun kepada virus COVID-19, iaitu bekas pesakit COVID-19 yang dijangkiti secara semulajadi lalu sembuh dan mereka yang telah divaksinasi.

“Apabila tidak ramai orang dijangkiti, maka jumlah kes akan menurun,” jelas Datuk Lokman.

“Vaksin akan menjadi alat utama dalam memastikan tahap keimunan orang ramai berada pada tahap yang tinggi. Ketika itu peralihan dari fasa pandemik ke endemik boleh dilaksanakan,” tambah beliau.

Data dari seluruh dunia menunjukkan penurunan jumlah kes-kes serius selepas pelaksanaan suntikan vaksin COVID-19. Perkembangan ini dapat mempercepatkan proses kita memasuki fasa endemik, tetapi kadar vaksinasi bukanlah satunya petunjuk keendemikan.

PENERIMAAN

Untuk berada dalam fasa



FASA endemik membolehkan kita kembali kepada kehidupan dan rutin normal dalam norma baharu.

endemik, angka jangkitan perlulah berada pada tahap yang ‘boleh diterima’ atau ‘boleh dikawal’. “Ini bermaksud ia tidak lagi menjadi satu isu besar kepada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai kemunculan varian-varian baharu seperti Lambda dan Mu.

Datuk Lokman turut menjelaskan bahawa berikutnya ketidakaksamaan akses kepada vaksin COVID-19 di seluruh dunia, sebahagian besar populasi dunia masih mudah terdedah kepada jangkitan virus tersebut. “Kemunculan varian-varian yang sangat mudah berjangkit ini boleh mencetuskan epidemik baharu yang boleh melarap menjadi pandemik secara global,” jelas beliau memberi amaran.

DARI WABAK KEPADA ENDEMIK

Datuk Lokman memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai perkara ini. Jelas beliau, kita perlu memahami bagaimana satu-satu penyakit itu bermula sebagai wabak, lalu menjadi epidemik, seterusnya pandemik dan kemudiannya diisytiharkan sebagai endemik.

Setakat ini masih tiada lagi tahap ketetapan universal dalam perkara ini. “Setiap negara ada variasi mereka sendiri. Negara-negara ini juga perlu menganalisis situasi dan menentukan kriteria keendemikan sendiri,” kata beliau. “Tanya diri kita. Pada tahap apa kita akan berasa selesa?”

KITA SUDAH BERADA DI TAHP MANA?

Apakah dengan memasuki fasa endemik itu bermaksud kita sudah sampai ke penghujung jalan dan memenangi peperangan ini? Malangnya tidak, terang Datuk Lokman. “Tidak sama sekali. Sebagaimana mudahnya kita memasuki fasa endemik, maka semudah itu juga kita boleh kembali ke fasa pandemik. Varian-varian baharu boleh melonjakkan balik jumlah kes jangkitan ke kadar yang tinggi.”

Beliau memberikan contoh bagaimana varian Delta menyebabkan kes jangkitan

penyakit berjangkit sahaja, tetapi untuk keadaan kesihatan yang lain juga.

Seperti yang kita ketahui, pandemik adalah satu keadaan epidemiik yang sudah merebak secara global seperti COVID-19. Contoh-contoh lampau adalah ‘Spanish Flu’ pada tahun 1918 yang meragut lebih 50 juta nyawa. Kira-kira 10 tahun lalu, pandemik Influenza H1N1 menjelaskan seluruh dunia dalam waktu yang amat singkat. H1N1 kini diklasifikasi sebagai endemik di banyak negara yang mana kemunculannya agak terkawal.

Datuk Lokman memberikan gambaran bagaimana kehidupan dengan COVID-19 sebagai endemik, nanti. “Cuba fikirkan COVID-19 ini seperti denggi dan malaria yang mana kedua-duanya adalah endemik di negara kita. Laporan kes adalah kerap setiap tahun.”

ANTARA SIFAR COVID-19 DAN ENDEMIK

Beberapa buah negara seperti New Zealand telah mengamalkan strategi sifar COVID-19 dengan harapan untuk menghentikan jangkitannya. Antara strategi yang mereka ambil adalah dengan mengenakan perintah berkurang dan had perjalanan yang ketat bertujuan untuk menghapuskan terus virus tersebut. Namun begitu, kebanyakan negara telah menerima hakikat bahawa intervensi kesihatan sahaja tidak akan dapat menghentikan jangkitan COVID-19.

“Pada tahap endemik, kita perlu memberi tumpuan kepada tanggungjawab orang awam untuk membantu mengawal penyakit ini. Orang ramai perlu terus dididik mengenai peri pentingnya penilaian dan pengurusan risiko supaya mereka dapat bertindak dengan berkesan bagi meminimumkan risiko dijangkiti dan menjangkiti orang lain,” maklum Datuk Lokman.

Lambat laun sekatan pergerakan akan dihentikan. Oleh itu, penekanan perlu diberikan kepada pendekatan-pendekatan lain seperti pengukuhan sistem penjagaan kesihatan yang mampu menangani ancaman jangkitan yang berterusan. “Walaupun kita sudah memasuki fasa endemik, kita perlu sentiasa beringat-ingat bahawa epidemik ini masih berlaku.”

Kita juga perlu melihat kepada statistik kes harian dengan cara baru dan memberi perhatian khusus kepada kes-kes berisiko tinggi berbanding jumlah kes yang dijangkiti. “Sepertimana yang kita lihat sekarang, angka-angka harian sudah dibahagikan kepada beberapa kategori risiko,” jelas Datuk Lokman. “Berdasarkan statistik tersebut dapatlah kita mengetahui dengan lebih tepat sama ada sistem penjagaan

kesihatan kita terbeban atau tidak.”

Meningkatkan imuniti

Apakah dos penggalak boleh membantu kita untuk kekal berada dalam zon endemik? Datuk Lokman menjelaskan, semuanya bergantung kepada keberkesaan vaksin tersebut dan pola jangkitan epidemiologi dalam populasi tertentu, iaitu bagaimana virus itu merebak dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penyebarannya.

“Risiko jangkitan tidak sama di semua kawasan dan negara. Oleh itu, setiap negara perlu menjalankan kajian mengenai pola jangkitan di negara masing-masing dan prestasi vaksin yang mereka gunakan. Kita perlu memahami keadaan kita sendiri dan membuat keputusan sama ada kita memerlukan dos penggalak, bila dan seberapa kerap.”

Timbul persoalan dan kebimbangan dari sudut moral dan etika apabila bercakap mengenai pemberian dos penggalak di ketika ramai lagi yang masih menunggu untuk disuntik vaksin dos pertama. “Banyak negara yang masih belum mencapai liputan vaksinasi yang sewajarnya, sedangkan negara-negara maju sudah mula mengumpulkan vaksin dos penggalak.”

Datuk Lokman menambah, penghasilan rawatan atau ubat yang berkesan untuk merawat jangkitan COVID-19 adalah sama pentingnya dalam mempertingkatkan keberkesaan pengurusan pandemik ini. “Ubat-ubatan yang berkesan dapat menghapuskan virus ini dan mengurangkan sumber jangkitan kepada orang lain. Rawatan yang berkesan juga mampu mengubah strategi vaksinasi.”

MENERUSKAN KEHIDUPAN

Berita baik kepada orang ramai adalah kita boleh kembali kepada kehidupan dan rutin yang hampir normal atau norma baharu dalam fasa endemik. “Jangkitan masih berlaku dan pastinya tetap ada ketidaktentuan. Langkah-langkah kesihatan awam masih perlu kita teruskan. Pemakaian topeng separa muka, penjarakan fizikal, kawalan khayak dan pengudaraan yang lebih baik perlu terus dilaksanakan di kawasan-kawasan aktif jangkitan,” jelas Datuk Lokman.

Benar, hidup perlu diteruskan dan fasa endemik ini akan membantu kita mengharunginya. Tapi ingatlah pesanan Datuk Lokman ini: “Sehingga kita lebih memahami penyakit ini, maka kita hendaklah terus berjaga-jaga dan tidak leka.”

Penulis Merupakan Pro Naib Canselor Penyelidikan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), yang juga merupakan Pengarah Institut Penyelidikan.



Foto: AMIN FARIJ HASAN
HAZIRAH HALIM

SEBUT sahaja Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur pastinya anda akan mengingati lagu popular *Chow Kit Road* nyanyian Allahyarham Datuk Sudirman Arshad.

Apatah lagi jalan ini pernah diadakan Konsert Gergasi Mega Chow Kit Road Sudirman di tengah-tengah jalan ibu kota yang dibanjiri lebih 100,000 orang pada tahun 1986.

Menjadikan seniman muzik negara itu sebagai sumber inspirasi, Kafe Sudirman semestinya lokasi tepat buat para peminat mengubati kerinduan terhadap penghibur nombor satu selain dapat mengimbau kembali kenangan di zaman 80-an.

Bertempat di EDC Hotel Kuala Lumpur (berhampiran GM Plaza), para pengunjung akan dihibur dengan lagu-lagu popularnya seperti *Pelangi Petang*, *Merisik Khabar*, *Balik Kampung* serta beberapa koleksi gambar dan barang peribadi beliau yang dipamerkan di setiap sudut kafe itu.

Sempena pembukaan semula sektor ekonomi di kawasan Fasa 3, kafe ini memperkenalkan pelbagai menu utama baharu

Imbau nostalgia era 80-an di Kafe Sudirman



MENCATATKAN sejarah apabila berjaya menghimpukan lebih 100,000 orang membanjiri Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur bagi menyaksikan persembahannya.

yang terdiri daripada masakan Melayu dan barat yang diinspirasikan daripada lagu Allahyarham.

"Antara menunya adalah nasi lemak basikal tua, mee rebus ketam kulim, ketam berinti, spaghetti Aglio Olio dan banyak lagi," kata Pengarah Pemasaran Kafe Sudirman, Suzy Hashim

Kamal ketika ditemui Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Suzy Hashim, kafe tersebut turut memberikan promosi 'ladies' khusus buat golongan wanita pada setiap hari Jumaat dengan harga bermula dari RM10.90.

"Ladies lunch ini khusus buat golongan wanita dimana mereka

boleh mengisi waktu rehat bekerja atau berjumpa rakan sambil menikmati juadah seperti fish and chip, spaghetti salted egg, laksa Tokman, nasi goreng udang petai dan banyak lagi.

"Selain makan, mereka juga boleh berkaraoke secara percuma sepanjang mereka berada di sini," katanya.

Tambahnya, setiap makanan yang disediakan di kafe ini bermula dengan harga RM10.90.

Buat pengunjung yang ingin merasai juadah yang disediakan di Kafe Sudirman, anda boleh kunjungi kafe yang terletak di EDC Hotel Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut, bermula pukul 7 pagi sehingga 11 malam atau menghubungi talian 03-40503601 untuk maklumat lanjut. WK



MEE rebus ketam kulim antara menu utama baharu yang disajikan di kafe Sudirman.



MEE KARI/KETAM/KULIM



KUAH KARI



AGLIO OLIO 1000 MILION SMILES



KETAM BERINTI

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Kafe Sudirman Kuala Lumpur

Lokasi: Sudirman Cafe, EDC Hotel Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut, 50350 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Masa: 7 pagi - 11 malam

Hubungi: 03-40503601

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARDA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

	FULL PAGE	26cm X 33cm	RM7,500
	HALF PAGE	26cm X 17cm	RM5,500
	QUARTER PAGE	12cm X 17cm	RM4,500
	PANEL PAGE [INNER]	26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Shahidan santuni mangsa banjir kilat



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim meyantuni 40 orang mangsa banjir di Kampung Rancha-Rancha Darat di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Balai Bomba Rancha-Rancha di sini, pada Sabtu lalu.

Sebanyak tujuh buah keluarga terjejas teruk apabila rumah kediaman mereka ditenggelami air hingga paras pinggang.

Shahidan yang sedang melakukan lawatan kerja selama dua hari di Labuan pada Sabtu lalu berkesempatan meninjau kawasan banjir dan melawat kesemua mangsa yang terbabit.

Beliau yang diiringi Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias turut menyampaikan bantuan kewangan



SHAHIDAN (tiga dari kanan) bersama Jalaluddin (dua dari kanan) sedang mendengar taklimat daripada Pengarah JBPM Labuan mengenai maklumat mangsa banjir kilat di Kampung Rancha-Rancha.

dan bantuan makanan asas kepada kesemua mangsa.

Beliau berkata, kesemua mangsa menerima bantuan kewangan sejumlah RM2,000 bagi meringankan beban kesemua mangsa yang terlibat musibah itu.

"Bantuan bakul makanan turut

diagihkan kepada kesemua mangsa yang terlibat.

"Hari ini (Sabtu) adalah lawatan kerja pertama saya ke Labuan untuk meninjau pembangunan Labuan, namun tak disangka pula berlaku hujan lebat yang menyebabkan beberapa rumah penduduk kampung



SHAHIDAN (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir kilat yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Balai Bomba Rancha-Rancha.

terjejas akibat banjir kilat dan terpaksa dipindahkan.

"Ini adalah program pertama saya yang tidak disangka-sangka untuk melawat mangsa banjir kilat," katanya kepada pemberita di PPS Dewan Balai Bomba Rancha-Rancha, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Seri Rosida Jaafar, Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias, Pengurus Perbadanan Labuan Datuk Seri Amir Hussein dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman. **WK**

KWP salur peruntukan tambahan RM250,000 bagi penanaman pokok

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) memperuntukkan sejumlah RM250,000 sebagai peruntukan tambahan bagi inisiatif program penanaman pokok di kawasan Hutan Paya Bakau Dan Hutan Paya Laut di Labuan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) di bawah Kementerian Alam Sekitar telah meluluskan peruntukan sebanyak RM250,000 di bawah Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GERAK) bagi memajukan hutan bakau dan kehidupan marin di kawasan hutan bakau di Labuan.

Katanya, KWP akan menyalurkan peruntukan tambahan itu dan menjadikan keseluruhan peruntukan bagi program penanaman pokok di Labuan sejumlah RM500,000.

"Ia bertujuan bagi menggalakkan serta mempercepat sasaran inisiatif program itu dicapai."

"Kementerian saya akan tambah lagi peruntukan itu sebanyak RM250,000 sebab kita mahu inisiatif penanaman pokok di Labuan dapat dipercepatkan," katanya kepada pemberita di Majlis Perasmian Program Penanaman 1 Juta Pokok Wilayah Persekutuan peringkat Labuan di pantai Kampung Nagalang, pada Ahad lalu.



SHAHIDAN dan Jalaluddin selepas selesai menanam pokok bakau ketika hadir merasmikan penanaman 1 juta pokok peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam pada itu, Shahidan berkata program itu akan dilaksanakan di tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan mensasarkan 1 juta pokok akan ditanam bagi tempoh 2021 sehingga 2025 dengan melibatkan beberapa fasa.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mensasarkan penanaman sebanyak 500,000 pokok, Perbadanan Putrajaya 400,000 pokok dan Perbadanan Labuan 100,000 pokok.

Bagi peringkat awal pelaksanaan program itu di Labuan, ia memfokuskan sebanyak 9,250 pokok akan ditanam di enam kawasan iaitu Pantai Kampung Tanjung Aru Nelayan, Pantai Tanjung Aru Kerupang, Pusat Eko Pelancongan Paya Bakau

Kinabenuwa, Sungai Gersik, Kg Gersik, Muara Sungai Ganggarak, Kg Tanjung Aru dan Taman Botani Labuan.

"Pada hari ini, sebanyak 100 pokok telah ditanam di kawasan Pantai Nagalang Kerupang dan akan direkodkan di dalam aplikasi Penghijauan Malaysia," katanya.

Menurut beliau lagi, penanaman pokok itu bertujuan untuk mengurangkan risiko berlakunya hakisan pantai.

Katanya, sebanyak 5,000 pokok bakau akan ditanam di sepanjang Pantai Tanjung Aru, Nagalang, Kerupang pada tahun ini.

"Kita sedia maklum pantai di Labuan semakin teruk terhakis. Oleh itu, dengan penanaman banyak pokok bakau di pesisir pantai risiko hakisan pantai boleh dikurangkan," katanya lagi. **WK**



SHAHIDAN menyampaikan kit peralatan pembelajaran kepada pelajar-pelajar autism ketika lawatan ke Pusat autism labuan baru-baru ini.

KWP sumbang RM87,000 kepada anak-anak autisme dan pelajar yatim piatu

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menyalurkan bantuan sejumlah RM87,000 kepada kanak-kanak autisme dan pelajar yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19 di Labuan.

Menurut menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, prihatin terhadap nasib yang menimpah golongan itu yang terkesan akibat pandemik COVID-19 pihaknya menyalurkan bantuan kewangan sebanyak RM1,000 setiap seorang.

Beliau berkata, ia merupakan hasil daripada sumbangan Kelab Agama Kementerian Kewangan Malaysia, pihak swasta dan badan-badan korporat.

"Daripada jumlah keseluruhan bantuan itu, sebanyak RM 31,000 akan disalurkan kepada 31 anak-anak autisme di Pusat autism dan selebihnya akan disalurkan kepada 56 pelajar yang kehilangan ibu bapa."

"Kesemua sumbangan kewangan itu akan disalurkan terus ke akaun pelajar masing-masing," katanya kepada

pemberita selepas mengadakan lawatan ke tiga kediaman pelajar yang menjadi yatim piatu akibat pandemik COVID-19.

Dalam pada itu, Shahidan turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang yang bersama-sama membantu golongan itu.

"Saya ucapakan terima kasih kepada penyumbang kerana bersama-sama membantu meringankan beban golongan anak yatim yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19 dan anak-anak istimewa autisme," katanya.

Terdahulu, Shahidan mengadakan lawatan kerja sulungnya selama dua hari di Labuan pada Sabtu lalu selepas dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan yang baharu pada 30 Ogos lalu.

Turut bersama dalam lawatan itu, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Datuk Seri Rosida Jaafar. **WK**



SOALAN
A SSALAMUALAIKUM SS
 Datuk Mufti. Saya ingin bertanya.

Apakah nafkah zahir dan batin itu termasuk sekali dengan keperluan emosi dan kesihatan mental yang baik bagi seorang isteri?

Adakah emosi yang baik termasuk dalam nafkah batin? Membaca tragedi seorang suami menembak isteri, bukti pentingnya kefahaman pasangan berkenaan pengurusan emosi.

Kata-kata makian daripada seorang suami yang ditonton oleh anak-anak akan mengganggu psikologi anak-anak.

Langkah menuntut fasakh bukan pilihan sesetengah isteri yang salah faham konsep sebenar.

Saya juga ingin bertanya berkenaan hadis yang mengatakan Arasy bergegar apabila berlaku perceraian.

Mohon perceraian. Terima kasih.

JAWAPAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW.

Secara asasnya, terdapat hak-hak yang wajib ditunaikan oleh suami terhadap isterinya menurut syariat Islam. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjah kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya)." **Surah al-Baqarah (228)**

Imam al-Thobari dalam menjelaskan ayat di atas, beliau menukilkan daripada kata-kata al-Dhahhak bahawa jika para-para isteri taat kepada Allah dan para suami mereka, maka

Adakah emosi yang baik termasuk dalam nafkah batin?



KEPERLUAN emosi dan kesihatan mental yang baik adalah antara nafkah yang wajib ditunaikan dalam sebuah perkahwinan.

wajib bagi suami berlakuan baik serta bertanggungjawab dalam menunaikan hak-hak isteri dengan sebaik mungkin.

(Rujuk: Jaami' al-Bayan li al-Thobari, 4/531) FR4.

Keperluan emosi dan kesihatan mental yang baik termasuk nafkah yang wajib ditunaikan. Suami dan isteri harus berlaku adil antara satu sama lain.

Komunikasi dengan baik serta layanan secara lemah lembut terhadap isteri, bertolak ansur sama ada dalam hubungan fizikal atau mental.

Ini bersesuaian dengan sifat semula jadi wanita yang lembut dan mudah terguris hatinya. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Pergaulilah kaum wanita itu dengan pergaulan yang lemah lembut, kerana sesungguhnya kaum wanita itu dijadikan dari tulang rusuk dan sesungguhnya tulang rusuk itulah yang sebangkok-bengkoknya ialah yang paling atas."

(Rujuk: Fath al-Bari, 6/368)

Di samping itu, Abu al-Hasan Nuruddin kemudiannya menjelaskan bahawa seorang suami tidak sepatutnya berlebih-lebihan dalam meluruskan kekurangan si isteri kerana akhirnya ia akan patah.

Ini bermakna wanita tidak mampu menerima pelurusan sepenuhnya kerana sifat asal kejadiannya yang Bengkok. Oleh itu, jika si lelaki (suami atau bapa) cuba melurusnya pasti ia akan patah.

(Rujuk: Fath al-Bari, 6/368)

Di samping itu, Abu al-Hasan Nuruddin kemudiannya menjelaskan bahawa seorang suami tidak sepatutnya berlebih-lebihan dalam meluruskan kekurangan si isteri kerana akhirnya ia akan membawa

kepada perceraian atau sesuatu yang tidak baik.

Oleh itu suami perlu mempunyai sikap toleransi dan pemaaf di atas kekurangan yang terdapat pada isteri.

(Rujuk: Mirqah al-Mafatih, 5/2117)

Firman Allah SWT:
Maksudnya: "Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik."

Surah an-Nisa' (19)

Menurut Imam al-Qurtubi, ayat ini menjelaskan bahawa ayat ini secara umumnya perintah Allah ke atas para suami agar berinteraksi dengan isteri-isterinya dengan pergaulan yang baik.

(Rujuk: al-Jami' li Ahkam al-Quran, 5/97)

Manakala Syeikh al-Maraghi pula, ayat ini mengisyaratkan tentang kebersamaan dan kerjasama antara suami dan isteri dalam menghulurkan layanan yang baik antara kedua-duanya yang mana isteri sebagai sumber kebahagiaan dan ketenangan di dalam rumah tangga.

(Rujuk: Tafsir al-Maraghi, 2/213-214)

Tambahan pula, suami perlu mencontohi akhlak terbaik yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW. Baginda bersabda dalam sebuah hadis:

Maksudnya: "Sebaik-baik daripada kalangan kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya. Dan aku adalah yang terbaik terhadap isterinya."

(Riwatayat Ibn Majah (2053)

Sehubungan itu, suami tidak mempunyai hak untuk memukul sehingga mencederakan isteri, apalah lagi menganiayainya.

Mendatangkan kecederaan dan menganiaya isteri memiliki implikasi dalam undang-undang persekutuan dan undang-undang Syariah.

Contohnya, Seksyen 52 Akta 303 Akta Undang-Undang

Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh mengeluarkan perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh. Seksyen itu memperuntukkan, antara lain;

(1) "Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang berikut, iaitu:

Lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan anjaya;"

Ini menunjukkan bahawa perbuatan mencederakan dan menganiaya isteri adalah darar Syarie yang mengharuskan tuntutan fasakh.

Dalam masa yang sama, Kanun Keseksaaan (Akta 574) memperuntukkan dalam Seksyen 319 ke atas berkenaan kesalahan mendatangkan kecederaan dan kecederaan parah kepada mana-mana orang.

Justeru, tidak menjadi kesalahan kepada ibu bapa untuk membuat laporan polis atau memberikan keselamatan dan perlindungan kepada anaknya, sama ada lelaki atau perempuan, yang dipukul, dicederakan dan dianiaya oleh pasangan.

KESIMPULAN

Islam telah menetapkan tanggungjawab ke atas suami untuk memenuhi hak-hak isteri mereka. Antaranya adalah bersikap santun dan berlakuan baik terhadap mereka.

Oleh itu, apabila hak-hak isteri tidak ditunaikan dengan baik oleh suami sedangkan ia menyedari dan mampu melaksanakan hak-hak tersebut, maka dia telah melampaui batas-batas Allah dan RasulNya.

MAIWP sedia bantuan rawatan percuma untuk asnaf di dua fasiliti kesihatan

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kini menyediakan kemudahan rawatan pesakit luar buat golongan B40 terutama asnaf bagi mendapatkan rawatan percuma di fasiliti kesihatan milik MAIWP.

Kadar had rawatan diberikan adalah sebanyak RM300 setiap seorang termasuk tanggungan yang berumur 18 tahun ke

bawah dan masih belajar, orang kurang upaya dan warga emas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) **Datuk Ahmad Marzuk Shaary** berkata MAIWP memperuntukkan RM1 juta yang dibahagikan kepada dua fasiliti kesihatan tersebut iaitu Hospital Pusrawi dan MAIWP Healthcare.

"Mereka ini dirawat secara

percuma dengan kos rawatan maksimum sebanyak RM300... Program ini akan berterusan untuk memanfaatkan 27,000 asnaf yang berada di bawah tanggungan MAIWP," katanya.

Beliau ditemui pemberita di Hospital Pusrawi selepas penyerahan replika cek masing-masing sebanyak RM500,000 kepada Hospital Pusrawi dan MAIWP Healthcare.



HOSPITAL Pusrawi antara dua fasiliti kesihatan yang menyediakan rawatan percuma buat asnaf.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Rintis kerjasama memakmurkan komuniti Datuk Keramat

SHAHIDI BAKAR

INISIATIF kerjasama dibentuk Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 3, Titiwangsa dengan Daie Komuniti YADIM dan Perkim Cawangan Datuk Keramat ternyata memberi manfaat kepada warga setempat.

Hasil pelaksanaan Program Bulan Kemerdekaan dan Sumbangan Daie Komuniti YADIM itu telah memberi sinar gembira kepada warga penduduk sekitar Flat PKNS, Jalan Tun Razak terutamanya kanak-kanak yang berpeluang mengikuti aktiviti keagamaan.

Pengisian acara santai sambil berhibur disifatkan sangat interaktif untuk menarik minat anak-anak memahami asas-asas kenegaraan bersempena hari penting kemerdekaan negara dan sambutan Hari Malaysia yang diadakan serentak.

Bagi Pengerusi MPPWP Zon

Titiwangsa, **Datuk Azizulrahman Mohamad Hussin Mualim**, usaha diambil MPP Sub Zon 3 itu perlu dihargai kerana bukan sahaja pengisian aktivitinya bermanfaat malah turut berjaya menggembungkan kerjasama dua institusi berjasa dalam pembangunan insan.

Beliau bersyukur atas kelancaran program yang diadakan pada 25 September lalu, sambil turut mengucapkan terima kasih kepada YADIM serta Perkim yang telah tampil menyemarakkan lagi program kenegaraan.

"*Alhamdulillah*, terima kasih kepada kedua-dua agensi ini yang sudi bekerjasama dengan pihak MPPWP Sub Zon 3, Kampong Bharu menjayakan Program Bulan Kemerdekaan 2021 yang mana dapat menanam semangat sayang dan cintakan negara kita bersama," katanya ketika hadir dalam pelancaran program itu yang diadakan di Surau Al Hidayah Flat

PKNS.

Selain sambutan, majlis sama juga menyaksikan kemurahan hati pihak Daie Komuniti YADIM yang turut mengajah sumbangan makanan kepada warga penduduk.

Menurut Pengerusi Daie Komuniti YADIM di Flat PKNS, Ustaz Suhaimi Abdul Aziz, hasil bantuan yang diagih itu diharap dapat mengurangkan beban kepada penduduk memerlukan terutama B40 di situ.

"Adalah menjadi harapan kami di YADIM supaya kita dapat bersama memberi sedikit keceriaan dan kegembiraan kepada penduduk dalam waktu sukar akibat pandemik COVID-19 ini."

"Sebagai agensi berpaksi aktiviti dakwah, YADIM yakin aktiviti berunsur keagamaan yang diadakan dapat menambah keyakinan diri bagi penduduk untuk membina sahsiah yang baik," ujarnya. WK



ANTARA pengisian Program Bulan Kemerdekaan yang dianjurkan MPPWP Sub Zon 3, Titiwangsa dengan kerjasama Daie Komuniti YADIM dan Perkim di Flat PKNS, Kampong Bharu.

Taman Muhibbah jadi tumpuan warga Labuan beriadah hujung minggu

KHAIRUL IDIN

KONSEP Taman Muhibbah yang baharu kini menjadi tarikan baru di kalangan warga pulau itu sebagai satu lokasi riadah dan ruang perdagangan pada hujung minggu.

Hasil tinjauan *Wilayahku* baru-baru ini, mendapati orang awam mengambil kesempatan untuk melihat sendiri keindahan pencahayaan yang digunakan di taman itu.

Rata-rata orang awam yang ditemui menzahirkan perasaan teruja dan berbangga kerana Labuan kini memiliki taman yang berkoncepcian pencahayaan lampu yang begitu mempersonakan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan **Dr Fary Akmal Osman** berkata, selari dengan misi untuk menjadikan Labuan sebagai negeri yang mampan dan sejahtera dengan peningkatan prasarana yang berkualiti, pihaknya telah mentransformasikan salah satu *pocket garden* sedia ada kepada *Art Street* Labuan.

"Konsep pencahayaan lampu hiasan jenis LED yang pelbagai telah diketengahkan

bagi melengkapkan keindahan taman dan menjadikan keseluruhan konsep binaan berfungsi lebih baik untuk dinikmati oleh masyarakat terutamanya generasi moden," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*, baru-baru ini.

Jelasnya, turut diperkenalkan adalah binaan struktur besi berkonsepkan arca Love, arca Rusa dan arca bingkai gambar *Instagram* selari dengan arus kemodenan dan *Instagrammers*.

"Lukisan mural berkonsepkan abstrak dengan pelbagai warna di sebahagian laluan pejalan kaki bertujuan untuk memberi impak keceriaan dan keindahan kepada kemasan lantai sedia ada," katanya lagi.

Fary turut memaklumkan, taman itu bakal dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada waktu terdekat.

Sehubungan itu, Fary turut berharap agar masyarakat sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika berada di taman itu agar tiada penularan COVID-19 berlaku. WK



PEMANDANGAN Taman Muhibbah dihiasi dengan pencahayaan.



PARA pengunjung tidak melepaskan peluang untuk menjamu selera di Tapak Urban Street Dining, Taman Melati.

Tapak niaga *Urban Street Dining*, buka peluang niaga untuk usahawan muda

USAHA interaktif dijayakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan tapak niaga di *Urban Street Dining*, Taman Melawati mendapat reaksi positif pelbagai pihak yang memuji hasil keprahitarian badan autoriti itu.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Setiawangsa, **Yusaini Amir** berkata, langkah diambil DBKL itu perlu disokong kerana ia bukan sekadar sediakan lokasi menarik menjamu selera, malah membuka peluang komuniti peniaga menjana pendapatan.

Usaha itu katanya, tepat pada masanya kerana kini ramai warga penduduk sedang meneroka pelbagai usaha serta cara menjana pendapatan untuk menampung perbelanjaan seisi keluarga.

"*Urban Street Dining* berada di kedudukan sangat strategik di Taman Melati yang merupakan lokasi penempatan ramai, ia secara langsung membuka peluang perniagaan kepada penduduk sekitar.

"Ini adalah pendekatan strategik yang

boleh kita aplikasi secara meluas di kawasan bandar besar dalam usaha membantu penduduk golongan B40 menambah pendapatan menampung kos hidup di bandar yang semakin meningkat," katanya.

Dalam pada itu, baru-baru ini Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kasim sendiri telah turun padang ke lokasi bagi meninjau akses dan kesesuaian Tapak *Urban Street Dining* untuk warga kota.

Inisiatif dilaksanakan DBKL dengan usahasama Pertubuhan Usahawan Food Truck Park Kuala Lumpur dan Selangor telah menyediakan lebih 17 tapak niaga selain membuka ruang serta peluang kepada usahawan muda untuk menceburi bidang keusahawanan.

Sesuai dengan trend semasa, tempat makan ini turut menerapkan konsep *outdoor food court* dan kanopi dengan suasana persekitarannya unik ala-ala *hipster*, dijangka menarik perhatian ramai pengunjung selain penyediaan menu makanan dan minuman yang berbagai cita rasa. WK


Taman Harmoni, penghubung antara dua komuniti

LANDSKAP mahupun bangunan yang dibina mengikut bentuk muka bumi atau topografi pastinya mewujudkan keunikan tersendiri selain mampu menarik perhatian pengembala seperti Bandar Biru Chefchaouen, Morocco yang tersergam indah di pergunungan Rif dan terkenal dengan pemandangan gunung-ganang apabila pengunjung berjalan kaki di sekitarnya.

Pembinaan berdasarkan topografi itu juga dapat dilihat di Taman Harmoni yang terletak di Presint 17, Putrajaya apabila landskap bertemakan hutan tropika terjaga atau ‘cleaned themed tropical forest’ itu, dibina secara bertingkat dengan memberi penekanan kepada kategori pengguna.

Walaupun hanya untuk tujuan rekreasi dan riadah penduduk se-tempat mahupun orang awam, reka bentuk yang diketengahkan juga mewujudkan persekitaran yang selesa.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan Taman, **LAr Aida Farisa Ibrahim** berkata, matlamat reka bentuk landskap di Taman Harmoni adalah untuk mewujudkan kawasan taman riadah dan rekreasi kepada penduduk yang meliputi setiap umur khususnya mereka yang tinggal di Projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Pudina dan Karters Penjawat Awam Apartment 17RK2.



AIDA FARISA



TAMAN Harmoni terletak di antara dua penempatan di Presint 17.

Objektif reka bentuk pula, katanya, taman yang siap dibina pada Oktober 2017 itu perlu mengikut topografi asal iaitu kawasan yang berbukit dan pada masa sama perlu mewujudkan ruang untuk orang ramai beriadah mahupun berekreasi.

Ujarnya, disebabkan itu, kawasan hijau berkeluasan 3.11 ekar dibina secara bertingkat dengan bahagian bawahnya diratakan bagi menyediakan fasiliti untuk taman permainan kanak-kanak serta gelanggang Tai Chi dan roller-blade.

“Kita ada komponen untuk kanak-kanak main di bahagian bawah manakala untuk yang ekstrem seperti pendaki mahupun orang dewasa, mereka boleh menggunakan beberapa alatan

senaman atau ‘mini gym’ serta melalui anak-anak tangga untuk ke puncak.

“Dari pandangan atas, landskap ini akan lebih cantik apabila pokok-pokok yang ditanam tumbuh besar. Pengunjung juga boleh berhenti di wakaf yang disediakan,” katanya sambil menambah terdapat 168 anak tangga pada ketinggian 30.5 meter (100 kaki).

MANFAAT PENDUDUK

Bercerita lanjut tentang taman yang dibangunkan Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH), Aida Farisa memberitahu, penggunaan tumbuh-tumbuhan asal hutan yang bersesuaian akan memberi kesan ‘The Garden Continuum’ seterusnya membentuk persekitaran selesa.

Dalam pada itu, katanya, pengenalan tanaman buah-buahan nadir dan spesies hampir pupus di sekitar taman berkenaan juga



GERBANG utama Taman Harmoni lebih moden.

boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembelajaran.

“Dari aspek sosial dan kesihatan, taman ini dapat mewujudkan interaksi bagi merapatkan hubungan kedua-dua komuniti terlibat menerusi kemudahan seperti wakaf, bangku taman, alat senaman luar dan kemudahan riadah yang lain.

“Ruang hijaunya pula sesuai untuk penganjuran majlis mingguan atau bulanan antaranya ‘outdoor wedding’, BBQ, majlis rumah terbuka Aidilfitri dan sebagainya.

“Selain itu, pembangunan taman ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada keseimbangan ekosistem di mana tanaman landskap yang telah diolah dan direka menjadi habitat ‘wildlife corridor’ kepada beberapa jenis hidupan liar kecil seperti burung, tupai mahupun serangga,” tambahnya. **WK**



KOLEKSI POKOK DAN TUMBUHAN LANDSKAP

- *Hopea odorata* (merawan siput jantan)
- *Mesua ferrea* (penaga lilin)
- *Tabebuia rosea* (tecoma)
- *Syzygium grandis* (jambu laut)
- *Astonia agustifolia* (pulai)
- *Lagerstroemia langkawiensis*
- *Melia incida* (semambu)
- *Agathis dammara* (dammar minyak)
- *Psidium guajava* (jambu batu)
- *Lansium domesticum* (langsat)
- *Artocarpus heterophyllus* (nangka)

KWP sasar pengurangan 70 peratus karbon - Shahidan

BERTARAF DUNIA. Projek MRT Laluan Putrajaya yang mencekal bilion ringgit hanya tinggal persiapan di bahagian kerja-kerja landskap dan estetik sebelum memulakan operasi sepenuhnya.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, jaringan rel dalam pembangunan Kuala Lumpur dimasukkan ke dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040).

“Selain MRT Laluan Putrajaya yang akan siap tidak lama lagi, kita berharap laluan selanjutnya seperti MRT 3 akan dapat dilaksanakan kerana ia akan menjadi pelengkap jaringan infrastruktur rel di Lembah Klang.

“Kesemuanya laluan rel akan dapat berintegrasi dengan laluan lingkungan ini dan akan memudahkan lagi perjalanan dan membolehkan pengguna menikmati perkhidmatan

pengangkutan awam yang lebih baik,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, pengurangan penggunaan kereta dan motosikal adalah amat penting dalam usaha kerajaan untuk mencapai sasaran karbon neutral pada tahun 2050.

“Dalam usaha untuk mencapai sasaran ini, saya telah nyatakan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan pengeluaran karbon (*carbon emission*) sebanyak 70 peratus di Kuala Lumpur dalam masa sembilan tahun pada tahun 2030,” ujar beliau.

Terdahulu, Projek MRT Lembah Klang tersebut merupakan sebuah projek yang akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam bertaraf dunia untuk warga Kuala Lumpur dengan penambahbaikan kemudahan pengangkutan awam di bandaraya ini.



SHAHIDAN (tengah) diberi penerangan oleh pihak MRT ketika sesi lawatan di tapak bina Stesen MRT Hospital Kuala Lumpur.

Enggan buang masa tanpa arah tuju dalam tenpin boling

NurNadia persiapkan diri untuk dinilai

AINI MAWAWI

LEBIH 11 tahun berkecimpung dalam arena sukan membuatkan atlet Wilayah Persekutuan, **Siti NurNadia Ismail** semakin matang dalam menentukan arah tuju kejayaannya dalam sukan tenpin boling.

Tidak mahu mensia-siakan masa yang ada, atlet berusia 22 tahun ini nekad memamerkan aksi terbaik dalam kejohanan **All Stars 2021** yang bakal berlangsung di Sunway Pyramid Disember ini.

"Kejohanan ini merupakan antara penilaian yang akan membantu atlet melayakkan diri ke dalam pasukan kebangsaan. Disebabkan itu, saya perlu mempersiapkan diri untuk melakukan yang terbaik," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, seandainya tidak berpeluang melayakkan diri dalam masa terdekat, dia akan memfokuskan diri untuk bergelar jurulatih dalam Program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan di



bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

"Kedua-duanya merupakan cita-cita saya dan dalam masa yang sama juga merupakan tanda aras untuk mengukur sejauh mana tahap saya dalam sukan tenpin boling ini. Selagi mana ia membawa faedah saya tidak kisah," ujarnya lagi.

Sempat berkongsi pengalaman sepanjang terlibat dalam sukan tenpin boling, NurNadia berkata, kejayaannya meraih pingat emas dalam acara trios pada SUKMA 2018 merupakan antara kenangan yang tidak dapat dilupakan.

"Ketika itu sainseng sengit ditambah pula saya dan salah seorang rakan sepasukan mengalami kecederaan di bahagian pergelangan tangan. Kami nekad untuk lupukan kesakitan demi mendapatkan emas.

"Ternyata pengorbanan ketika itu amat berbaloi biarpun pada akhirnya rakan saya terpaksa menjalani pembedahan ekoran

Kejayaan NurNadia

2019 - Terbuka Malaysia, Sunway Pyramid - Tempat Kedua

2018/2019 - Interstate, Sunway Pyramid - Emas (beregu)

2018 - SUKMA Perak - Emas (acara trios)

2016 - MSSM Perak - Tempat Pertama (Wakil Wilayah Persekutuan)

mudah namun percaya tanpa kekuatan mental seseorang pemain tersebut tidak mam-

pu beraksi dengan cemerlang," ujar anak bongsu daripada empat orang adik-beradik ini. **WK**

NURNADIA



Piala Thomas: Malaysia fokus kepada Jepun selepas England tarik diri

SELEPAS England tiada lagi dalam percaturan, pasukan badminton lelaki kebangsaan akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada Jepun ketika pusingan terakhir Piala Thomas bermula di Ceres Arena Sabtu ini.

Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) **Tan Sri Mohamad Norza Zakaria**,

bagaimanapun berkata mereka tidak akan menyemak semula sasaran suku akhir pasukan itu walaupun England tarik diri.

Perasatuan Badminton England menerusi kenyataan ringkas di laman web mereka mengumumkan penarikan diri daripada kejohanan berprestij itu berikutnya tiga daripada empat pemain perseorangan pilihan mengalami kecederaan, menyebabkan mereka 'tidak dapat membariskan pemain kompetitif' untuk kejohanan itu.

Penarikan diri pada saat akhir itu menyaksikan Kumpulan D kini dihuni naib juara 2018, Jepun, Malaysia dan Kanada. Dua pasukan teratas dari setiap kumpulan akan mara ke peringkat kal-



ah mati.

Sambil melahirkan rasa simpati kepada pasukan Inggeris, Mohamad Norza berkata beliau mahu pemain muda negara meneruskan momentum baik daripada kejayaan meraih gangsa di kejohanan Piala Sudirman di Vantaa, Finland baru-baru ini.

"Kami rasa penarikan diri England bukan satu kelebihan besar untuk Malaysia, jadi kami akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada Jepun. Kami perlu realistik tentang sasaran kami kerana pemain kami telah menempuh perlawanan yang banyak dalam kejohanan Piala Sudirman."

"Ia mungkin menyebabkan mereka sedikit keletihan dan saya tidak fikir adalah wajar untuk menyemak semula sasaran kami kerana kami tidak mahu memberi tekanan kepada mereka."

"Saya fikir pemain dan jurulatih kami tahu apakah aksi yang diharapkan daripada mereka, bukan hanya oleh pihak BAM, tetapi juga peminat, jadi mereka harus berjuang bersungguh-sungguh," kat-

ya ketika dihubungi.

"Beliau juga menegaskan bahawa pemain muda, yang kebanyakannya membuat penampilan sulung mereka dalam tiga kejohanan berpasukan - Piala Sudirman, Piala Thomas dan Piala Uber - memikul tanggungjawab yang besar di bahu mereka.

Bagaimanapun, beliau mengharapkan pendedahan itu akan menjadikan mereka pemain yang lebih baik.

"Selain menerima harapan yang tinggi, pemain muda itu juga harus memiliki daya tahan untuk beraksi dalam beberapa kejohanan secara berterusan. Saya sangat yakin pasukan kita dapat melangkah jauh dalam kejohanan kali ini, terutamanya menghadapi Piala Thomas," kata Mohamad Norza.

Dalam kejohanan Piala Sudirman yang berakhir pada Ahad (3 Oktober), pemain muda Malaysia mempamerkan persembahan terpuji, terutamanya apabila berjaya menundukkan musuh tradisi Indonesia 3-2 pada peringkat suku akhir untuk menyamai pencapaian terbaik negara sebelum ini apabila mara ke separuh akhir pada edisi 2009 di Guangzhou, China. **- BERNAMA**

SCASFT rai kejayaan pingat perak atlet boccia Chew Wei Lun

PERSATUAN Kanak-kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan (SCASFT) bersama Persatuan Boccia Malaysia meraikan pencapaian cemerlang atlet boccia **Chew Wei Lun** yang merangkul pingat perak pada Sukan Paralimpik Tokyo 2020, bulan lepas.

Antara yang hadir pada majlis itu adalah Presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Majlis Sukan Negara (MSN) Suhardi Alias, Pengarah Bahagian Paralimpik MSN Mohd Sofian Hamzah dan Presiden Persatuan Boccia Malaysia Prof Blian Boon Chin.

Wei Lun berkata beliau teruja dan terharu dengan penghargaan yang diterima susulan kejayaannya di Tokyo yang tidak disangka-sangka, dengan objektif utamanya beraksi adalah untuk lebih mempopularkan sukan boccia.

"Sebenarnya walaupun saya beraksi kejayaan Wei Lun yang pertama kali diraih kontinen negara, MSN harus mengenal pasti faktor menyumbang kepada kejayaan Wei Lun."

"Harap-harap kita dapat membina struktur organisasi yang baik kerana ia amat longgar sekarang khususnya dalam memuatkan kapasiti para atlet dari segi sokongan komuniti daripada pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

Tambahnya atlet seperti Wei Lun akan mendapat sokongan menerusi program Kerjaya dan Pendidikan Atlet Malaysia (MACE) yang akan menjamin masa depan pendidikan, kerjaya dan kebajikan atlet itu. **- BERNAMA**



CHEW WEI LUN

"Saya berasa walaupun kita mempunyai keluarga yang kecil, tetapi potensi para atlet ini boleh mencapai tahap paling tinggi terutamanya dengan kemenangan (Wei Lun) ini," katanya.

Suhardi berkata berikutnya boccia merupakan sukan yang unik selain kejayaan Wei Lun yang pertama kali diraih kontinen negara, MSN harus mengenal pasti faktor menyumbang kepada kejayaan Wei Lun.

"Harap-harap kita dapat membina struktur organisasi yang baik kerana ia amat longgar sekarang khususnya dalam memuatkan kapasiti para atlet dari segi sokongan komuniti daripada pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

Tambahnya atlet seperti Wei Lun akan mendapat sokongan menerusi program Kerjaya dan Pendidikan Atlet Malaysia (MACE) yang akan menjamin masa depan pendidikan, kerjaya dan kebajikan atlet itu. **- BERNAMA**



NurNadia
persiapkan
diri untuk
dinilai

►►23

KWP rancang buka pusat Usahawan Jahitan Kreatif

Bantu pasarkan produk tempatan

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) sedang merancang untuk mewujudkan sebuah pusat yang dapat mengumpulkan usahawan jahitan kreatif.

Menyerinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pusat itu akan dapat membantu Usahawan Jahitan Kreatif memasarkan produk keluaran mereka selain boleh dijadikan lokasi tumpuan pelancong.

“Sekarang ini mereka banyak hasilkan produk di rumah dan kalau kita ada satu pusat penjualan yang lebih besar, sudah pasti akan meningkatkan pemasaran.

“Mereka memasarkan produk di rumah masing-masing secara atas talian. Tetapi kalau kita ada pusat seperti dewan, ia boleh dijadikan tempat untuk memasarkan barang itu di samping kehadiran beberapa jenis usahawan lain di kelingnya,” katanya selepas Program Turun Padang Usahawan Jahitan Kreatif di Kompleks Muhibah.

Beliau berkata, pihaknya juga akan memikirkan konsep pusat itu



SALAH seorang peserta Usahawan Jahitan Kreatif di Kompleks Muhibah menunjukkan beg buatannya.

dan ia mungkin akan turut menempatkan tempat makan seperti di kompleks beli-belah.

“Kita akan fikirkan konsep itu, di mana (bahagian dalamnya) kita menjual barang ini dan di

luarnya tempat makan.

“Jadi orang akan ada sesuatu yang menarik tentang jahitan seni kreatif ini dan kalau kita pergi supermarket pun kita akan namak barang seperti ini yang

kebanyakannya diimport dan ini adalah barang tempatan yang mempunyai kualiti yang baik,” katanya.

Shahidan berkata, pihaknya turut akan bekerjasama dengan agensi kerajaan serta pihak swasta untuk mewujudkan pusat tersebut.

Shahidan berkata, untuk permulaan, seramai 50 orang peserta telah dipilih untuk menyertai program berkenaan dan pihaknya bercadang untuk meningkatkan lagi penyertaan golongan B40.

“Kita kena tambah, 50 peserta ini terlampaui kecil. Kita mungkin tambah untuk 200. Jadi dalam masa 100 hari ini, inilah kerja kita untuk pastikan apa yang dilaksanakan dahulu ditingkatkan.

“Untuk permulaan ini, bagi kumpulan kedua, mungkin 150 orang akan dipilih untuk mengikut program ini.

“KWP akan beri peruntukan sebanyak RM10,000 seorang berbentuk kursus dan turut dibekalkan mesin jahit,” katanya.

Menjelas lanjut, Shahidan berkata pihaknya turut menawarkan kursus jangka pendek selama enam bulan dan kebanyakan peserta

wanita sudah mempunyai asas kemahiran tersebut.

“Mereka bagaimanapun, akan dilatih bagi meningkatkan kemahiran sedia ada sehingga dia mahir buat.

“Tapi dalam tempoh 100 hari ini, kita akan cari jalan dan pendekatan jangka pendek untuk peserta ini dapat mengeluarkan produk sambil mereka belajar,” katanya.

Ujar Shahidan, pihaknya turut akan mengkaji untuk pemberian elauan kepada peserta yang mengikuti kursus, namun pada masa sama kehilangan sumber pendapatan.

“Kalau ada kekurangan nanti kita akan tengok bagaimana. Kalau kita dapat orang yang datang kursus ini akan hilang sumber pendapatan lain, itu akan difikirkan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

“Di peringkat kementerian, kita akan beri perhatian ini kalau kementerian ada sumber kewangan untuk membantu, itu lebih baik dan warga Wilayah Persekutuan mesti digerakkan supaya kemiskinan bandar dan gelandangan dapat dikurangkan,” katanya. **WK**

30 tahun tidak bertemu bapa kandung, Zizi Kirana tunggu rentas negeri

DEEL ANJER

PENYANYI Zizi Kirana, 36, mengaku tidak sabar merentas negeri untuk bertemu dengan bapa kandungnya setelah lebih 30 tahun mereka terpisah.

Penyanyi lagu *Eh!* itu berkata, pernikahannya dengan pelakon Yusuf Bahrin, 29, baru-baru ini menjadi sebab apabila dia dapat kembali menghubungi bapanya yang kali terakhir ditemui ketika dia berusia tiga tahun.

“Ibu dan bapa bercerai dan kami tidak berjumpa lagi sejak usia saya tiga tahun. Dalam usaha mencari wali, termasuk untuk mengiklan mengenainya di akhbar, Allah SWT mempermudahkan urusan saya.

“Saya melakukan carian di Instagram dan terjumpa nama adik-beradik yang sebaik. Apabila dimaklumkan kepada emak, dia terlebih dahulu menghubungi bapa untuk menyatakan hasrat kami. Hanya selepas itu, baru saya bercakap dengan bapa.

“Walaupun hanya dapat berhubung melalui panggilan telefon, dia mem-

berikan kerjasama yang sangat baik. Segala dokumen penting untuk pernikahan saya dan Yusuf diantar melalui kaedah kurier.

“Saya juga merancang mahu bertemu bapa dan membawa suami berjumpa dengannya apabila kebenaran rentas negeri dibenarkan,” katanya dalam sesi *IG Live* Nurflix.tv yang mengetengahkan topik Rahsia Dia: Jodoh & Ketentuan Allah SWT, baru-baru ini.

Dalam sesi *IG Live* tersebut, Zizi berbincang mengenai topik yang diberikan oleh pihak Nurflix.tv bersama pelakon serta penerbit Diana Amir sebagai moderator, pelakon, Faralyna Idris dan Ustazah Asni Mansor.

Zizi ketika berkongsi pengalamannya mendirikan rumah tangga pada musim pandemik berkata, meskipun tempoh perkenalannya dengan Yusuf sangat singkat iaitu dua bulan, dia bersyukur kerana proses pernikahannya sangat mudah dan cepat.

“Ustazah Asni merupakan antara individu yang terawal yang mengetahui

tentang hubungan saya dengan Yusuf.

“Saya banyak berkongsi cerita bersama dia, bertanya pendapat antaranya mengenai persiapan sebelum mendirikan rumah tangga dan ada kala perbualan kami berlarutan sehingga pulak 4 pagi.

“Ustazah tidak mengenali Yusuf. Apabila saya menyatakan niat kami, antara soalan yang diajukannya ialah ‘Siapa dia? Nak tengok gambar’. Saya memberi dia akaun Instagram Yusuf, selain meminta ustazah untuk bersama-sama melakukan solat istikharah,” katanya.

Pemenang Persembahan Terbaik AJL35 melalui lagu *Eh!* ini berkata, dari awal perkenalannya dan suami, dia tidak pernah mempertikai sama ada Yusuf mampu membimbangi dirinya atau sebaliknya.

“Proses dan persiapan pernikahan kami sangat mudah serta cepat. Menjelang hari pernikahan kami, saya lebih tenang dan santai berbanding orang sekeliling termasuk keluarga, kawan serta pengurus,” katanya. **WK**

